



HARAPAN

Kita Boleh!

TAWARAN HARAPAN PRU15

Kita Boleh!



Hakcipta ©
Pakatan Harapan
Oktober 2022

Diterbit dan dicetak oleh
Ibu Pejabat Pakatan Harapan
Merchant Square, A-1-09,
Jalan Tropicana Selatan 1,
47410 Petaling Jaya, Selangor
+603 7885 0530

kitaboleh.my

Kandungan

01	Menangani Isu Kos Sara Hidup	7	22	Ketahanan Bencana	57
02	Jaminan Keselamatan Makanan	9	23	Pemeliharaan Alam Sekitar	59
03	Membasmi Kemiskinan	11	24	Ekonomi Madani	61
04	Menjamin Kebajikan Pekerja	15	25	Merancakkan Perindustrian	63
05	Kediaman HARAPAN Untuk Rakyat	17	26	Memperkasa PMKS (MSME) & Usahawan	65
06	Memperkasa Peluang Ekonomi Belia	19	27	Memacu Ekonomi Sukan	67
07	Belia Harapan Negara	21	28	Pembangunan Industri Kreatif Dan Budaya Negara	69
08	Menaik Taraf Bidang Teknikal Dan Vokasional (TVET)	23	29	Menjamin Kesejahteraan Dan Daya Saining Rakyat Malaysia	71
09	Ekonomi Manusiawi	25	30	Membela Nasib Orang Asal (Sabah & Sarawak dan Semenanjung Malaysia)	73
10	Menjamin Kesejahteraan Kanak-kanak	27	31	Merapatkan Jurang Pembangunan Wilayah Sabah, Sarawak, Dan Semenanjung	75
11	Memantapkan Pembangunan Wanita Dan Institusi Keluarga	31	32	Memperkasa Wilayah Sabah & Sarawak Menerusi Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963	77
12	Hidup Selesa Di Usia Emas	33	33	Desentralisasi Kuasa Kepada Wilayah Sabah & Sarawak	79
13	Membela Nasib Orang Kurang Upaya (OKU)	35	34	Menyelesaikan Pelbagai Isu Kebanjiran Warga Asing Di Sabah	81
14	Memerangi Rasuah	37	35	Mencipta Peluang Pekerjaan Dan Menarik Pelaburan Di Sabah & Sarawak	82
15	Mengukuhkan Integriti Institusi	39	36	Demokrasi, Ketelusan Dan Keterlibatan Dalam Semua Peringkat Kerajaan	84
16	Memperkasa Sistem Demokrasi Dan Kuasa Rakyat	41	37	Pendigitalan Kerajaan: Perkasa Penyampaian Perkhidmatan & Kurangkan Bebanan Penjawat Awam	86
17	Menjamin Kebebasan Media Dan Hak Bersuara	43	38	Keselamatan Negara	88
18	Reformasi Kesihatan	45	39	Malaysia Gemilang Di Persada Dunia	92
19	Meningkatkan Capaian Internet	49			
20	Meningkatkan Liputan Pengangkutan Awam	51			
21	Reformasi Pendidikan	53			



Kita Boleh!

HARAPAN berazam untuk membina semula Malaysia setelah dibelenggu pelbagai krisis termasuk kemelut kesihatan, pekerjaan, makanan, dan pendidikan.

Selama 30 bulan pentadbiran Barisan Nasional dan Perikatan Nasional, kepincangan dasar dan kepimpinan mereka telah membebankan rakyat, mengabaikan cabaran generasi yang tercicir (*lost generation*) sementara kesenjangan masyarakat, dan krisis iklim kian meruncing.

Visi HARAPAN adalah untuk membangunkan Malaysia yang lebih mampan, sejahtera, berdaya cipta, berteraskan nilai hormat dan ihsan (MADANI).

Tawaran HARAPAN menggariskan tekad kami dalam menggembungkan tenaga sesama penggerak perubahan demi melakar masa depan yang lebih cerah untuk semua rakyat Malaysia bagi mencapai tiga matlamat berikut:

1. Kita Boleh Menjamin Kesejahteraan Rakyat

Menjana pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan demi kesejahteraan yang holistik buat rakyat.

2. Kita Boleh Mewujudkan Pentadbiran Beramanah

Memulihkan keyakinan dan mewujudkan kepercayaan yang menyeluruh antara rakyat dengan kerajaan.

3. Kita Boleh Mempersiap Negara Untuk Masa Hadapan

Memperkasa rakyat untuk menghadapi cabaran perubahan iklim, perpaduan kaum, reformasi pendidikan serta kerancakan daya cipta.

Kita boleh bina Malaysia buat Generasi Baru dan mengecapi kemenangan bersama sekali lagi demi tanah air kita!

#KitaBoleh #MalaysiaBangkit

- 
- 
- **1** Tangani Isu **Kos Sara Hidup**
 - **2** **Perangi Rasuah** dan Kukuhkan **Institusi Demokrasi**
 - **3** Perkasa **Peluang Ekonomi Belia** dengan Teroka **Sektor Manusia** (Green, Agro, Care, Creative, TVET – pekerjaan berdasarkan kemahiran)
 - **4** Selamatkan **Generasi Terciric** (*Lost Generation*) dalam Pendidikan
 - **5** Bina **Ketahanan Bencana** dan Mantapkan **Perlindungan** (Bantuan sehingga RM50,000 setiap rumah terkesan)
 - **6** Tangani Isu **Doktor Kontrak** dan **Jamin Kebajikan** Penjawat Kesihatan
 - **7** Tangani Isu **Ketaksamaan Gender** & Perkasa **Sosioekonomi Wanita**
 - **8** Perkasa **Wilayah Sabah** dan **Sarawak**
 - **9** Tingkatkan **Daya Saing** Setiap Rakyat Malaysia Khususnya Golongan Rentan
 - **10** Pelihara **Khazanah Alam** Demi Anak Cucu Kita



Menangani Isu Kos Sara Hidup

01

“

Pasca pandemik COVID-19, rakyat kini berdepan dengan isu kos sara hidup yang membebankan. Tahun 2021 mencatatkan kadar inflasi sebanyak 2.1% dan ia meningkat kepada 4.7% untuk tempoh Januari hingga Ogos 2022. Kenaikan kadar inflasi berpunca dari permintaan yang tinggi, kenaikan harga komoditi dan gangguan rantaian bekalan.

Kita boleh menangani isu kos sara hidup dengan mengambil pendekatan yang mendahuluikan kepentingan rakyat. Biarpun inflasi bergantung kepada keadaan pasaran, kerajaan yang mendahuluikan kepentingan rakyat boleh melaksanakan dasar yang menurunkan kadar inflasi atau meringankan beban rakyat. HARAPAN juga bertekad untuk mencari penyelesaian jangka panjang terhadap isu kos sara hidup dan bukannya solusi jangka pendek.

Hapuskan Kartel

Kita boleh menghapuskan kartel dalam sektor bahan makanan dan keperluan asas bagi menggalakkan persaingan dan membasmi kegiatan kaut keuntungan melampau (*profiteering*). Tanpa kartel, peluang juga dapat diwujudkan untuk usahawan baharu menceburkan diri dalam sektor bahan makanan dan keperluan asas.

Bekalan Cukup

Mewujudkan kerjasama dengan pihak pembekal supaya bekalan barang makanan sentiasa mencukupi. Usaha ini perlu terutama sekali ketika musim perayaan di mana isu kehabisan bekalan sentiasa menjadi punca kepada kenaikan harga barang.

Insentif Tingkat Pengeluaran

Memberikan insentif yang secukupnya untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dan keperluan asas supaya tekanan kenaikan harga boleh dikurangkan dalam jangka masa panjang. Lebih pengeluaran bermakna harga dapat dikurangkan.

Mengkaji Semula Konsesi Lebuhraya

Kerajaan HARAPAN telah menunjukkan komitmen dengan mengkaji semula semua perjanjian konsesi lebuhraya dan berunding untuk mendapatkan harga terbaik, dengan pencapaian pengurangan 18% kadar tol bagi Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) termasuk Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2).

HARAPAN bertekad untuk meneruskan pengurangan tol PLUS secara berperingkat dengan matlamat akhir penghapusan tol dan pengembalian lebuhraya PLUS kepada milik awam.

Jaminan Keselamatan Makanan



“

Negara telah beberapa kali berdepan dengan krisis makanan serius berpuncak dari pengeluaran yang terhad atau kesan bencana alam seperti banjir. Ketiadaan bekalan makanan bukan sahaja menyebabkan kenaikan harga tetapi juga menjerumus kepada masalah nutrisi.

Menjamin keselamatan makanan tidak terhad sekadar memastikan pengeluaran makanan yang cukup. Ia perlu merangkumi aspek kebaikan pemain individu seperti petani, nelayan dan penternak. HARAPAN menawarkan dasar yang memberi fokus pada dua aspek ini sebagai tawaran untuk rakyat Malaysia.

SEKURITI MAKANAN

Reformasi Tanah Pertanian

Kita boleh melaksanakan reformasi tanah pertanian melalui Majlis Tanah Negara dengan kerjasama kerajaan negeri untuk memudahkan petani dan penternak memohon atau memajak tanah untuk tujuan pertanian atau penternakan.

Pertanian Moden Dan Pintar

Meningkatkan dan menggalakkan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian menerusi geran atau pinjaman mudah. Memperkasa penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor pertanian dan agro-makanan serta meningkatkan pengkomersialan hasil-hasil penyelidikan.

Malaysia Sebagai Negara Eksport Pertanian

Mengenal pasti beberapa produk pertanian yang berpotensi untuk dimajukan untuk pasaran eksport demi meningkatkan pendapatan para petani. Kita akan berusaha memperluaskan pasaran global untuk produk pertanian Malaysia.

Menarik Pelaburan dan Agropreneur Muda

Memudahcara pelepasan cukai untuk pelaburan dalam sektor pertanian sama ada syarikat atau petani kecil. Memperkasa Program Agropreneur Muda dan program padanan bakat antara industri dan anak muda yang berminat berkecimpung dalam sektor pertanian moden.

KEBAJIKAN KAUM PETANI, NELAYAN DAN PENTERNAK

Kita boleh **memperluas jaringan keselamatan sosial** semua petani, nelayan dan penternak secara berperingkat dalam lima tahun.

Mengalihkan subsidi “*input*” ke subsidi “*output*” secara berperingkat demi menggalakkan peningkatan pengeluaran. HARAPAN akan meningkatkan **Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per tan kepada RM500 per tan.**

Kad Subsidi atau **e-wallet** akan diperkenalkan untuk memberi kebebasan petani membeli input pertanian.

Membasmi Kemiskinan

03

Pandemik COVID-19 telah meningkatkan kadar kemiskinan mutlak di Malaysia dari 5.6% pada tahun 2019 ke 8.4% (2020). Sejumlah 12.5% dari isi rumah dilaporkan memperoleh pendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan. Pandemik juga mengubah komposisi kumpulan pendapatan apabila 20% isi rumah M40 tergelincir ke kategori B40.

MEMBASMI KEMISKINAN DI SETIAP PERINGKAT

HARAPAN berazam untuk membasmi kemiskinan agar setiap lapisan masyarakat dapat hidup dengan bermaruah dan pada masa yang sama menyumbang kembali kepada komuniti. Kita boleh membasmi kemiskinan dengan membendungnya di setiap peringkat di samping memberi tumpuan khusus pada isu kemiskinan bandar.

Pembiayaan Mikro-kredit

Kita boleh membendung kemiskinan di setiap peringkat. Pendekatan mikro-kredit melalui penambahan dana untuk Amanah Ikhtiar Malaysia dan Yayasan Usaha Maju bagi membuka peluang golongan rentan menceburti bidang keusahawanan untuk keluar dari kepompong kemiskinan.



Bantuan Sara Hidup (BSH) Dan Sarapan Percuma

Meneruskan program Bantuan Sara Hidup (BSH) untuk membantu mengatasi kos sara hidup. Sarapan percuma untuk semua pelajar di sekolah juga akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah keciciran di sekolah melibatkan pelajar miskin.

Membina Keluarga Bahagia

1 daripada 5 kanak-kanak bawah lima tahun mengalami masalah bantut. Bantuan bulanan untuk setiap keluarga akan diberi mengikut bilangan anak yang berumur di bawah 6 tahun bertujuan meringankan beban keluarga miskin dan memastikan pertumbuhan kanak-kanak sihat dan tidak terbantut.

Tiada Keciciran

Bekerjasama dengan setiap Ahli Parlimen untuk mengenal pasti komuniti tersasar dalam semua program pembasmian kemiskinan kerajaan Persekutuan seperti "MySalam" dan "Program Kasih Suri Malaysia".

KEMISKINAN BANDAR

Disebabkan cabaran berbeza di bandar, tumpuan khusus perlu diberikan ke atas isu kemiskinan di kawasan ini. Kita boleh membasmi kemiskinan bandar dengan pelaksanaan dasar yang bersesuaian.

Rumah Mampu Milik, Mampu Sewa

Mewujudkan rumah mampu milik, mampu sewa, kos rendah dan kos sederhana, serta rumah transit di lokaliti yang perlu.

Akses Kesihatan Komuniti

Mewujudkan lebih banyak klinik kesihatan di kawasan padat dan mempunyai insiden kemiskinan tinggi. Meluaskan program penjagaan kesihatan yang menekankan perkhidmatan pencegahan penyakit merangkumi saringan rumah ke rumah di pangaspuri kos rendah.



Ruang Selamat dan Dapur Komuniti

Cabar terbesar untuk golongan miskin bandar khususnya ibu atau bapa tunggal adalah dalam menyediakan ruang selamat untuk anak-anak di luar waktu persekolahan. HARAPAN akan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyediakan ruang selamat sebagai tempat anak-anak ini belajar dan bersosial. Dapur komuniti juga akan diwujudkan bagi menyediakan makanan untuk anak-anak dan membantu meringankan beban keluarga miskin.

Kepolisan Masyarakat

Inisiatif membasmi kemiskinan perlu berjalan seiringan dengan usaha meningkatkan kualiti hidup golongan miskin bandar. Model Rukun Tetangga boleh diamalkan di kawasan perumahan kos rendah dengan peruntukan yang bersesuaian. Amalan kepolisan masyarakat bukan sahaja menjamin keselamatan setempat tetapi juga membantu mengatasi gejala sosial selain memupuk keterlibatan masyarakat dalam aktiviti komuniti.



Menjamin Kebajikan Pekerja

04

Pandemik COVID-19 menyaksikan perubahan besar dalam sektor tenaga kerja. Ada yang terpaksa berhijrah ke pekerjaan baharu dan ada yang tidak berasas baik sehingga hilang pekerjaan. Kadar pengangguran mencatatkan lonjakan dari 3.3% pada tahun 2019 ke 4.6% pada tahun 2021. Tanpa pekerjaan, rakyat tiada pendapatan dan kerancakan ekonomi negara boleh terjejas.

HARAPAN bertekad untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dalam era pasca pandemik, agar rakyat Malaysia dapat kembali mencari rezeki. Pada masa sama tumpuan juga akan diberikan dalam menjamin kebajikan pekerja dengan pelaksanaan gaji minimum, skim perlindungan dan kekangan ke atas amalan berbentuk diskriminasi di tempat kerja.

Dasar Gaji Minimum

Pelan dasar gaji minimum yang tersusun bagi mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi. Pelan ini perlu dilaksanakan dengan sokongan yang tersusun bagi memastikan ketersediaan semua pihak.

Menangani Halangan Diskriminasi

Dalam membina Malaysia yang lebih harmoni, halangan berbentuk diskriminasi perlu dicantas. Ianya tidak terhad kepada diskriminasi dari segi kaum, agama, jantina, keupayaan fizikal dan mental tetapi juga perlu merangkumi jurang pendapatan antara jantina.

Jaminan Keselamatan Sosial

Untuk memenuhi keperluan konsep pekerjaan baharu contohnya ekonomi gig, jaminan keselamatan sosial akan diwujudkan bagi melindungi kebaikan pekerja gig. Ini meliputi penubuhan badan kawal selia, kontrak perjanjian, skim insurans hayat percuma dengan pampasan khairat kematian sebanyak RM10,000 untuk 6 juta pekerja gig.

Elaun Khas Kehilangan Pekerjaan

Memperluas elaun khas kepada golongan yang hilang pekerjaan kepada pekerja kontrak selagi mereka masih aktif mencari pekerjaan baharu.

Menangani Kemiskinan Persaraan

Bagi mengelak krisis kemiskinan dalam persaraan (85% warga emas dalam golongan B60), usaha awal perlu dibuat untuk menambah simpanan hari tua. Kita boleh memperkenalkan pendaftaran automatik akaun KWSP tanpa mengira umur, pemerkasaan I-saraan termasuk insentif pemula untuk caruman sukarela kali pertama dan membenarkan caruman pihak ketiga bagi menggalakkan ibu bapa memulakan tabungan untuk anak-anak.

Kediaman HARAPAN Untuk Rakyat

05



Ketiadaan tempat berteduh masih menjadi satu rintangan besar buat rakyat. Setiap dari kita memerlukan rumah kediaman bagi membina kehidupan dan keluarga yang bahagia.

Memastikan wujudnya rumah mampu milik dan mampu sewa yang berkualiti dan lengkap adalah sebahagian dari komitmen HARAPAN dalam membina Malaysia yang lebih baik. Kami akan berusaha untuk menyediakan rumah yang menepati rekabentuk sejagat (*Universal Design*), merangka dasar dan mewujudkan akses pemilikan bagi menjayakan cita untuk menyediakan tempat berteduh kepada rakyat.

Mampu Milik, Mampu Sewa

Penyediaan rumah mampu milik, mampu sewa, kos rendah dan kos sederhana yang cukup di lokaliti yang memerlukan. Kami akan memperbanyakkan skim rent-2-own (sewa untuk beli) untuk rakyat yang ingin membeli dengan cara sewa dan memperbanyakkan rumah transit di kawasan strategik.

JaminPinjam

HARAPAN akan memperkenalkan semula dana RM3 bilion untuk menjamin pembiayaan rumah bagi pembeli rumah pertama membeli rumah mampu milik.

Peluang Pemilikan

Untuk penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR), peluang akan diwujudkan untuk mereka memiliki rumah tersebut bagi memastikan golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman harapan mereka sendiri.

Tribunal Khas Perumahan

Bertujuan melindungi hak dan kepentingan setiap pemilik rumah dan penyewa. Kami komited untuk meluaskan peranan tribunal bagi merangkumi kepentingan penyewa.

Ambil Alih Selenggara

Kebanyakan pangaspuri kos rendah berdepan pelbagai masalah akibat penyelenggaraan yang tidak cekap. Bagi memastikan setiap rumah kekal menjadi syurga kepada pemiliknya, kami akan mengambil alih penyelenggaraan bagi membantu mewujudkan persekitaran kediaman yang berkualiti dan selamat.

Pengecualian Duit Setem 100%

HARAPAN akan memperluaskan pengecualian duit setem 100% untuk pemilik rumah kali pertama bagi harta tanah di bawah RM500,000 agar merangkumi pemilikan unit subjualan.



Memperkasa Peluang Ekonomi Belia

06



Golongan belia merupakan asas kepada masa hadapan negara. Memperkasakan golongan belia boleh dilakukan antaranya dengan membuka peluang keterlibatan ekonomi untuk belia. Penyertaan belia di dalam ekonomi akan memberikan kesan limpah berlipat ganda yang menjana pertumbuhan.

HARAPAN berazam untuk memudahkan akses golongan belia menjadi sebahagian dari kegiatan ekonomi negara. Antaranya dengan menyediakan bantuan atau insentif merangkumi bidang-bidang ekonomi bukan tradisional seperti ekonomi gig, pertanian, industri hijau dan sektor penjagaan.



Biasiswa B40

HARAPAN akan memperkenalkan Biasiswa B40 bagi mengurangkan kebergantungan golongan kurang berkemampuan kepada kemudahan pinjaman seperti PTPTN.

Biasiswa Perintis

HARAPAN juga akan memperkenalkan Biasiswa Perintis dan peluang ‘upskilling’ bagi golongan belia yang berminat menceburi bidang ekonomi baharu seperti industri penjagaan -“caretaker, caregiver bagi kanak-kanak, warga emas dan OKU”, sektor pertanian moden dan sektor hijau.

Sistem Perkembangan Kerjaya

Untuk pekerja buruh kasar dan ekonomi gig, sistem perkembangan kerjaya akan diperkenalkan. Syarikat penyedia ekonomi gig diberikan insentif khas sekiranya membangunkan kemahiran dan kerjaya pekerja ekonomi gig manakala lepasan SPM dan ke bawah diberi galakan untuk menceburi pengajian dalam bidang TVET.

Pertumbuhan Keusahawanan

Kita boleh menggalakkan pertumbuhan sektor keusahawanan di kalangan golongan belia dengan menyediakan dana khusus, skim latihan dan langkah pemudah cara bagi belia yang berminat menceburi bidang keusahawanan.

Belia Harapan Negara

07



Belia adalah harapan untuk negara, tetapi dalam membina harapan kita juga perlukan asas yang baik. Dasar-dasar berkaitan belia mestilah fokus kepada mencambah perkembangan dan kemajuan golongan belia.

HARAPAN percaya kita boleh mencorak Malaysia menjadi tempat yang terbaik untuk golongan belia berkembang maju. Justeru, kami menggariskan dasar-dasar untuk merealisasikan harapan negara melalui pemerksaan belia.

Kad Belia

Kad Belia adalah naik taraf dari Kad Siswa sedia ada dan akan digunakan oleh anak muda berumur antara 13 hingga 25 tahun. Pemegang kad akan mendapat faedah promosi dan diskaun di tempat perniagaan terpilih.

Kembara Siswa

Bertujuan meringankan beban mahasiswa yang mahu pulang ke kampung halaman terutamanya sewaktu musim perayaan. Kembara Siswa akan menyediakan tiket pada kadar harga tetap (RM199) untuk penerbangan di antara Sabah atau Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya dengan had 2 tiket setahun bagi setiap mahasiswa.

Penyediaan Rumah

Bagi membantu meringankan beban komitmen perumahan di kalangan belia, HARAPAN akan mengusahakan penyediaan rumah transit belia, rumah mampu milik, mampu sewa, kos rendah dan kos sederhana yang mencukupi di lokaliti yang memerlukan.

Akses Sukan Dan Rekreasi

Meluaskan akses kepada kemudahan sukan dan rekreasi agar wujud keseimbangan kehidupan dan kerja. Memperbanyakkan ruang-ruang awam seperti taman-taman rekreasi, kemudahan sukan awam, perpustakaan, pusat sumber digital, dan ruang acara (*event space*) untuk kegunaan anak muda dengan lebih meluas.

Kebebasan Aktivisme

Menjamin kebebasan untuk aktivisme anak muda serta menggalakkan pertumbuhan badan-badan sosial, kebajikan dan aktiviti intelektual awam yang diterajui anak muda atau belia.

Akaun Latihan Kemahiran

Membuka akaun “Latihan Kemahiran” (*Skills Training Account*) untuk pekerja belia yang berusia 18 hingga 30 tahun di bawah HRD Corp dengan RM500 yang boleh digunakan untuk latihan sepanjang umur.



Menaik Taraf Bidang Teknikal Dan Vokasional (TVET)

08



Menjelang tahun 2030, Malaysia sepatutnya menjadi negara berpendapatan tinggi dengan purata pertumbuhan ekonomi yang menawarkan keterbukaan kepada perdagangan dan pelaburan. Ini bermakna potensi penciptaan pekerjaan dan pertumbuhan pendapatan memungkinkan lebih banyak guna tenaga berkemahiran di masa depan.

Untuk mencapai tujuan negara berpendapatan tinggi dengan guna tenaga berkemahiran ini, TVET harus dimartabatkan menjadi sebuah institusi yang boleh memperkenalkan kemahiran baharu, meningkatkan kemahiran sedia ada dan meningkatkan peluang kerja dan gaji yang bermaruah. Ini bermakna teknologi yang digunakan dalam latihan kerja perlu ditambah baik, kawalan kualiti perlu ditingkatkan, guru diperkasa dan suasana persekitaran pengajaran dan pengurusan sumber perlu lebih efisien.

'Zero Reject Policy'

Melaksanakan dasar 'Tiada Diskriminasi, Tiada Penolakan' untuk semua pendaftaran ke dalam sistem TVET

Penyelaras Bebas

Menubuhkan badan kuasa berpusat bebas dengan penglibatan Persatuan-persatuan Perdagangan dan Persatuan-persatuan Pengamal untuk menguruskan institusi TVET. Ini secara tidak langsung memastikan bahawa proses akreditasi dapat diselaraskan.

Kerjasama Industri Melalui Konsep '*Place to Train*'

Bekerjasama dengan pemain industri yang memberi khidmat dalam sektor berkaitan TVET untuk melatih para pelatih berdasarkan konsep menempat dan melatih ('Place to Train') dan memberi mereka akreditasi yang setimpal. Lebih banyak pusat latihan TVET akan dibina di kawasan yang tidak mempunyai rakan strategik industri yang relevan untuk memudahkan akses kepada latihan.

'OpenCreds'

Menggunakan rangka kerja 'OpenCreds' untuk memudahkan dan memperkasa pelajar TVET, perantis, pengamal, jurulatih, dan pekerja profesional supaya mereka dapat memperoleh dan mencapai akreditasi akademik setara sarjana muda dan seterusnya dalam bidang kerjaya mereka di masa depan.

'School to Work Transition'

Memudahkan program peralihan 'Sekolah Ke Tempat Kerja' untuk melahirkan lebih ramai pelajar sekolah terlibat secara terus dengan dunia pekerjaan dan berpeluang untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih bermaruah berdasarkan kemahiran.



Ekonomi Manusiawi

09



6

Mengikut takrifan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas melebihi 7%, negara kita kini tergolong sebagai negara menua (*ageing nation*). Mengikut trajektori kadar kelahiran kasar, kadar kesuburan dan kadar kematian kasar, Malaysia diunjurkan bakal menjadi negara tua menjelang tahun 2045, dimana lebih 17% warga Malaysia berumur 80 tahun ke atas.

Keperluan penjagaan sudah pastinya akan meningkat mendadak dengan peningkatan peratusan populasi menua. HARAPAN berpandangan jauh dan oleh demikian kami akan menyuntik sejumlah pelaburan awam serta menggalakkan pelaburan swasta ke atas sektor perkhidmatan dan prasarana penjagaan, serta sistem perlindungan sosial yang lebih inklusif dan komprehensif.

Kita boleh bersedia menghadapi realiti negara tua dengan Pelan Kesiagaan Ekonomi Penjagaan dan Masyarakat Menua Nasional-SiagaJaga (*National Care Economy and Aging Community Preparedness Plan*).

Sektor Penjagaan Profesional

Memprofesionalkan sektor penjagaan supaya ia diberi tahap dan darjah penghormatan yang tidak kurang daripada sektor-sektor kesihatan berkepakaran yang lain seperti kejururawatan, fisioterapi. Pembinaan kapasiti dan latihan untuk mencapai Nisbah Sokongan Penjaga (*Caregiver Support Ratio-CgSR*) yang setimpal dengan negara tua menjelang 2035.

Institusi Bantuan Dan Elaun Penjaga

Menginstitusikan bantuan dan elaun penjaga bagi golongan yang terpaksa berhenti kerja kerana diperlukan untuk memenuhi kewajiban menjaga anggota keluarga yang ditimpa musibah.

Mobile Care

Perkhidmatan Penjagaan Bergerak (*Mobile care*) - Menggabungkan agenda penjagaan di tempat kediaman (*in-situ*) bagi golongan yang kehilangan kapasiti.

Fasiliti Penjagaan Sehenti

Fasiliti penjagaan sehenti juga akan dijadikan syarat pembangunan mengikut nisbah penduduk sepetimana taman permainan dan tempat ibadat adalah sebahagian daripada syarat perancangan pembangunan.

Insentif Institusi Kekeluargaan

Memperkasakan institusi kekeluargaan dengan menggalakkan melalui insentif kepada keluarga yang berkediaman bersama warga emas.

Intervensi Strategik

Bagi golongan miskin bandar dan penduduk di kawasan terpencil, intervensi strategik untuk menyelaraskan kerjasama antara agensi dan institusi perkhidmatan kesihatan awam primer, penjaga sukarelawan, penjaga lapangan bertauliah, pihak berkuasa tempatan dan NGO.

Kolaborasi juga merangkumi pemimpin masyarakat, institusi akademik, sektor swasta bagi membudayakan pemeriksaan kesihatan berkala serta penyampaian perkhidmatan penjagaan bergerak.

Menjamin Kesejahteraan Kanak-Kanak

10

Berdasarkan statistik penduduk pada 2021, kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dianggarkan berjumlah 9.13 juta iaitu 28% daripada keseluruhan populasi di Malaysia. Menghampiri satu pertiga daripada jumlah keseluruhan rakyat, mereka berhak memiliki permulaan terbaik, mereka berhak gembira, mereka berhak bahagia dan mereka berhak sihat sesuai dengan usia mereka.

Memastikan perkembangan kanak-kanak dan remaja terjamin akan memberi kesan positif yang berpanjangan untuk kehidupan masa depan mereka sebagai orang dewasa nanti. Komitmen sebenar terhadap kebajikan kanak-kanak hari ini adalah pelaburan untuk masa depan negara.

Manfaat Kanak-kanak Sejagat

Isu kanak-kanak bantut di negara ini sangat kritikal sehingga ianya dilaporkan lebih teruk daripada kadar kanak-kanak bantut di Gaza dan Iraq pada hari ini. Harga susu yang sangat mahal telah menyebabkan ramai ibu bapa tidak mampu memberikan susu dan makanan berkhasiat untuk 1,000 hari pertama setelah bayi mereka lahir. Untuk mengatasi masalah ini, setiap bayi yang baru lahir akan diberikan manfaat tunai yang akan didepositkan secara bulanan ke dalam akaun ibu bapa sehingga mereka berumur 6 tahun.

Jaminan Kerakyatan

Membuat pindaan terhadap Perkara 15(2) bagi menjamin kerakyatan bagi kanak-kanak yang lahir di Malaysia kepada salah seorang ibu atau bapa warga Malaysia tanpa mengira kaum atau agama. Perkara 14(1) (b) dalam Perlembagaan Persekutuan juga akan dilaksanakan pindaan agar ibu warga Malaysia yang melahirkan anak di luar negara dapat menurunkan kewarganegaraan Malaysia kepada anak mereka seperti kaum bapa dan memberi manfaat berpanjangannya kepada anak tersebut. Dalam masa yang sama pindaan juga akan dilakukan terhadap undang-undang untuk membolehkan kewarganegaraan automatik diberikan kepada anak angkat.





Jabatan Kanak-kanak

Kesejahteraan kanak-kanak yang semakin terancam akibat pelbagai ancaman seperti penderaan, gangguan seksual dan juga pengabaian memerlukan sebuah penyelesaian konkrit. Dalam masa yang sama peredaran semasa seperti perkembangan media sosial semuanya memberi kesan terhadap pertumbuhan kanak-kanak. Penubuhan Jabatan atau Agensi Kanak-kanak akan mengawal selia ancaman yang wujud dan memastikan kesejahteraan kanak-kanak dipelihara.

1,500 Pelindung Kanak-kanak

Mempercepat penambahan 1,500 pelindung kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memastikan nisbah ideal seorang pegawai untuk 30 kanak-kanak dapat direalisasikan segera. Keperluan mendesak ini wujud kerana situasi semasa pada hari ini menyaksikan seorang pegawai mempunyai sehingga 100 kes membabitkan kanak-kanak.

Penstrukturkan Semula Pendidikan Awal Kanak-kanak

Sebelum pandemik bermula, peratusan enrolmen untuk kanak-kanak berusia 4 dan 5 tahun masih rendah di tahap 83.5% sahaja. Ketika pandemik melanda, sebanyak 1,394 buah tadika terpaksa ditutup mengakibatkan bilangan kelas untuk prasekolah semakin mengecil. Keadaan ini bertambah meruncing selepas pandemik kerana lebih ramai keluarga yang tidak mampu membayar yuran yang dikenakan. Untuk mengatasi masalah ini dan membina lebih banyak kelas prasekolah, sistem pendidikan awal kanak-kanak perlu distruktur semula untuk mengambil kira semua faktor seperti tahap sosio-ekonomi keluarga serta bantuan-bantuan yang perlu disalurkan untuk memastikan mereka kembali ke dalam kelas dan mula belajar semula.

Penubuhan Jawatankuasa Hak Kanak-kanak Di Peringkat Mahkamah Sivil Dan Syariah

Penubuhan Jawatankuasa Kanak-kanak di Peringkat Mahkamah Sivil dan Syariah untuk membantu kanak-kanak menyelesaikan pelbagai isu di mahkamah melibatkan mahkamah seperti perkahwinan bawah umur, hak penjagaan anak serta hak lawatan. Dalam konteks semasa, kanak-kanak pada hari ini tidak mempunyai representasi peguam di mahkamah dan berpotensi menyebabkan hak-hak mereka diabaikan. Jawatankuasa Hak Kanak-kanak ini akan memastikan kepentingan kanak-kanak sentiasa dipenuhi ketika perbicaraan sedang berlangsung.

Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Kanak-kanak 2025

Umum mengetahui wujudnya perkahwinan bawah umur ini, namun tidak ramai menyedari kesan negatif perkahwinan bawah umur terhadap kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan. Oleh yang demikian, usaha dalam Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Kanak-kanak 2025 seperti yang telah dilaksanakan pada Januari 2020 akan diteruskan.





Memantapkan Pembangunan Wanita Dan Institusi Keluarga

11



Pasca pandemik, wanita bekerja dan berkorban lebih hebat untuk diri dan keluarga. Walaubagaimana pun hari ini wanita masih berdepan dengan isu ketaksamaan gender dan pencabulan hak yang berterusan.

Untuk menangani realiti ini, polisi berasaskan keperluan harus segera digerakkan untuk membela kehidupan bermaruah dan memperjuang kesejahteraan pembangunan kehidupan wanita. Dalam konteks pembinaan negara bangsa, kesejahteraan wanita membawa kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Keterangkuman Gender

Untuk mengatasi amalan ketaksamaan gender yang membawa masalah kepada wanita pada hari ini, setiap Rang Undang-Undang yang dibentangkan di Parlimen akan dipastikan memiliki aspek keterangkuman gender yang lebih membina.

Sistem Pengumpulan Data

Mewujudkan sistem pengumpulan data merentas Kementerian dan Agensi untuk memastikan integrasi data berlaku melibatkan maklumat mengenai wanita dan kanak-kanak.

Subsidi Penjagaan Kanak-kanak

Dalam masa-masa sukar seperti hari ini, ramai wanita berkorban dengan bekerja untuk menyara keluarga tetapi dalam masa yang sama terbeban dengan isu penjagaan anak kecil. Untuk itu, subsidi penjagaan kanak-kanak akan diberikan kepada wanita bekerja dari golongan B40 dan juga M40.

Jaminan Kerakyatan

Meminda Perkara 14(1)(b) dalam Perlembagaan Persekutuan agar ibu warga Malaysia yang melahirkan anak di luar negara dapat menurunkan kewarganegaraan Malaysia kepada anak mereka seperti kaum bapa. Ini akan memberi kemudahan kepada kaum wanita untuk menguruskan diri dan keluarga menurut keperluan di masa depan.

Mengatasi Kemiskinan Haid

Pemberian tuala wanita dan tampon secara percuma di sekolah rendah dan menengah di semua sekolah di Malaysia dan tuala wanita dan tampon percuma kepada wanita B40 di lokasi-lokasi strategik.

Memperkasa Institusi Kehakiman Syariah

Untuk memastikan hak wanita dan kanak-kanak sentiasa menjadi keutamaan, Institusi Kehakiman Syariah akan diperkasa segi kesarjanaan dan pengurusan pentadbiran yang lebih efisien.

Menangani Punca Perkahwinan Kanak-kanak 2025

Meneruskan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Kanak-kanak 2025 seperti yang telah dilaksanakan pada Januari 2020 untuk memastikan hak wanita dan kanak-kanak sentiasa terbela.

Hidup Selesa Di Usia Emas

12



Jangka hayat rakyat Malaysia pada masa kini adalah 70.8 tahun untuk lelaki dan 75.6 tahun untuk wanita. Dengan had umur persaraan wajib pada 60 tahun, warga emas akan menjalani kehidupan tanpa pekerjaan dan sumber pendapatan tetap sekitar 10 hingga 15 tahun lagi. Tanpa simpanan hari tua yang cukup, rakyat Malaysia di usia emas berdepan dengan risiko masalah kewangan ketika hayatnya.

HARAPAN melihat serius permasalahan ini apatah lagi Malaysia kini dalam status negara menua. Kita boleh mengatasi risiko masalah kewangan dan mewujudkan satu kehidupan selesa kepada rakyat Malaysia yang kini meniti usia emas.

Skim Mesra Usia Emas

Penyediaan skim-skim yang mesra kepada warga di usia emas. Ianya merangkumi baucer *Jom Shopping* bernilai RM100, *Khairat Kematian* bernilai RM1,000 dan *Jom Travel* yang menyediakan pengangkutan bas percuma kepada warga emas mengunjungi pusat pelancongan tempatan.

Pengangkutan Awam Percuma

Perjalanan pengangkutan awam percuma bagi golongan warga emas berbanding diskain 50% pada masa kini.

Akta Warga Emas Dan Dasar Penuaan Aktif

Menggubal Akta Warga Emas dan menekan kepentingan Dasar Penuaan Aktif (*Active Aging Policy*).

Elaun Penjagaan Warga Emas

Mengiktiraf tanggungjawab penjagaan warga emas setaraf dengan piawaian antarabangsa serta memperuntukkan elauan khas bagi golongan ‘*caretaker*’ dan insentif kewangan bagi keluarga M40 dan B40 yang menjaga ahli keluarga dari golongan warga emas.

Pusat Penjagaan

Mewajibkan penubuhan pusat aktiviti warga emas atau pusat harian warga emas dalam pelan rancangan tempatan dan pelan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan.

Insentif Dan Bantuan Khusus

Insentif pelepasan cukai serta bantuan kewangan bagi majikan yang melatih dan mengambil golongan warga emas untuk bekerja.

Kewarganegaraan Automatik

Kewarganegaraan Malaysia secara automatik bagi golongan warga emas (60 tahun) yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang berstatus warganegara Malaysia.

Agensi/Jabatan Warga Emas

Penubuhan Agensi/Jabatan Warga Emas yang akan memberikan lebih perhatian dalam menjaga kebijakan dan menangani permasalahan berkaitan warga emas.

Penstrukturran Semula PERKESO

Penstrukturran semula PERKESO untuk memasukkan Skim Perlindungan Warga Emas sebagai jaringan keselamatan untuk memastikan golongan ini mempunyai perlindungan walaupun selepas usia persaraan.

Membela Nasib Orang Kurang Upaya (OKU)

13



Golongan OKU merangkumi 15% daripada keseluruhan rakyat Malaysia. Oleh itu mereka tidak sewajarnya dipinggirkan dalam usaha pembangunan negara. Walaupun berdepan halangan fizikal dan mental, golongan OKU berhak memainkan peranan dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

HARAPAN menyedari bahawa penyediaan dasar dan persekitaran yang kondusif kepada golongan OKU adalah perlu agar peranan mereka tidak tersisih. Justeru usaha membela nasib OKU perlu dilipat gandakan bagi memastikan golongan OKU tidak terpinggir dari arus pembangunan dan pembinaan negara Malaysia.

Penubuhan Jabatan/Agensi OKU

Untuk memastikan kehidupan berkualiti dinikmati warga OKU di masa hadapan, permasalahan OKU pada ketika ini seperti isu infrastruktur dan kelemahan sistem pendidikan perlu diselesaikan segera. HARAPAN akan menubuhkan sebuah agensi khas untuk menyelaras bantuan dan peruntukan dari pelbagai kementerian. Agensi ini juga boleh berperanan sebagai pemudahcara untuk memastikan hal ehwal kebajikan, keperluan serta permasalahan seperti potensi masa depan dan kualiti kehidupan warga ini diangkat menjadi keutamaan.

Lantikan Pesuruhjaya OKU Dalam SUHAKAM

Bagi menghormati hak asasi manusia melibatkan golongan OKU, adalah wajar pelantikan pesuruhjaya OKU di dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) direalisasikan. Pelantikan ini dapat membantu dalam melindungi hak-hak OKU dan mencegah segala bentuk diskriminasi terhadap golongan ini.

Akses OKU

Meningkatkan penyediaan kemudahan dan pengangkutan awam yang mesra OKU dan memastikan projek pembangunan menepati rekabentuk sejahtera (*Universal Design*). Masanya sudah tiba untuk memperakui keperluan OKU terhadap kemudahan dan pengangkutan awam tidak boleh diabaikan sewenangnya.

Peruntukan Pendidikan Khas OKU

Untuk memastikan agenda pendidikan OKU menjadi teras keutamaan dan memulihkan ekosistem kecekapan penyampaian sistem pendidikan OKU seperti latihan guru, pembinaan infrastruktur untuk kelengkapan kelas dan menambah bilangan kelas, sebuah Peruntukan Khas Pendidikan OKU akan diperuntukkan.



Memerangi Rasuah

14



6

Kita pernah melalui episod hitam rasuah yang menjelaskan demokrasi, kedaulatan undang-undang dan pembangunan ekonomi negara ini. Kejayaan rakyat menumbangkan rejim yang bergelumang dengan rasuah pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) merupakan langkah pertama ke arah membebaskan Malaysia dari belenggu rasuah.

Namun kemelut politik yang berlaku selepas itu dan pertukaran kerajaan yang silih berganti menunjukkan unsur-unsur rasuah masih bermaharajalela. Justeru usaha berterusan masih perlu kita laksanakan bagi memerangi rasuah hingga ke akar umbi. Kita boleh membebaskan negara ini dari belenggu rasuah dan HARAPAN komited dalam mendukung aspirasi rakyat yang mahukan negara bersih, jujur dan amanah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM

Pencalonan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu disemak oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang dwipartisan. Langkah ini bagi menjamin pelantikan calon yang neutral tanpa tujuan melindungi kepentingan pihak tertentu.

Pengisytiharan Aset

Pengisytiharan aset telah pun menjadi satu amalan pasca PRU14. HARAPAN berhasrat meneruskan amalan ini bagi semua menteri, Ahli Parlimen, Penjawat Awam Kanan, Pengerusi GLC serta semua pasangan dan ahli keluarga terdekat yang berumur 18 tahun ke atas.

Akta Kebebasan Maklumat

HARAPAN akan memperkenalkan Akta Kebebasan Maklumat dan mengehadkan penggunaan Akta Rahsia Rasmi (OSA) kecuali terhadap perkara yang berpotensi menggugat keselamatan negara. Klasifikasi hendaklah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Parlimen dan bukannya budi bicara menteri.

Perolehan Awam

Untuk permintaan sebutharga untuk bekalan; Kementerian Kewangan harus mempunyai senarai harga bekalan yang dikemas kini setiap 6 bulan. Bagi projek-projek, sistem RFP dan tender terbuka akan dilaksanakan. Rundingan langsung hanya dibenarkan untuk hal keselamatan negara tetapi tertakluk kepada Jawatan Pilihan Khas yang diketuai anggota blok pembangkang.

Pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat

Meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat bagi membolehkan pemberi maklumat mendedahkan penyelewengan secara terus ke media. Pindaan yang dilaksanakan dengan kadar segera akan membentuk sebuah mekanisma kawalan terhadap isu integriti dan sebarang ketirisan yang boleh merugikan Negara boleh disekat di peringkat awal lagi.

Majlis Media

Menghidupkan semula usaha untuk menubuhkan Majlis Media dan meminda Akta Mesin Cetak. Majlis Media Malaysia berperanan sebagai hala tuju utama untuk mengawal selia industri media yang pantas berubah — terutamanya untuk menyelaraskan peraturan yang mencakupi media cetak, media penyiaran dan media dalam talian — dan pada masa yang sama turut menjamin kebebasan media seperti yang termaktub di dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Sistem ‘Ombudsman’

Mewujudkan sistem ‘ombudsman’ bagi menangani masalah salah laku dalam kalangan ahli politik dan penjawat awam termasuk pihak berkuasa.

Mengukuhkan Integriti Institusi

15

6

Tanpa proses semak imbang yang menyeluruh, pentadbiran negara akan terdedah kepada salah guna kuasa dan penyelewengan. Hal ini membuka ruang kepada kleptokrat dan ahli-ahli politik yang mementingkan diri membolot jawatan, memusatkan kuasa, dan mengumpul kekayaan melampau lantas merugikan rakyat.

HARAPAN akan terus mempertahankan integriti sistem pentadbiran Malaysia dengan mengehadkan kuasa badan eksekutif, menjamin kebebasan institusi perundangan, dan menyusun semula aturan politik negara.

Had Perkhidmatan 10 tahun

Kami akan mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Menteri Besar, dan Ketua Menteri kepada maksimum 10 tahun untuk mengelakkan pemusatan kuasa berlebihan kepada jawatan-jawatan ini dan menjamin ketelusan pentadbiran negara.

Pemisahan Kuasa Pendakwa Raya - Peguam Negara

Memisahkan jawatan dan peranan Pendakwa Raya daripada Peguam Negara untuk mengukuhkan kebebasan pendakwa raya. Peguam Negara hanya bertindak sebagai penasihat undang-undang kerajaan, manakala Pendakwa Raya yang berasingan membuat keputusan mengenai perkara-perkara berkaitan pendakwaan.

Semakan Pencalonan Lantikan

Pencalonan bagi lantikan Pendakwa Raya, jawatan-jawatan utama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Pilihan Raya, dan Ketua Polis Negara perlu disemak oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang terdiri daripada ahli pelbagai parti. Jaminan jawatan akan diberikan kepada individu-individu yang dilantik supaya tempoh perkhidmatan mereka tidak ditamat secara sewenang-wenangnya oleh Perdana Menteri.

Akta Penggal Tetap Parlimen

Ketidaktentuan yang timbul akibat spekulasi berpanjangan berkaitan pembubaran mengejut Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum tamat penggal lima tahunnya akan menjaskankan keyakinan pelabur dan kestabilan ekonomi. HARAPAN bakal mewujudkan Akta Penggal Tetap Parlimen bagi memastikan pembubaran Parlimen dan DUN hanya dilakukan apabila penggalnya tamat bagi mengurangkan ketidaktentuan politik ini.

Memperkasa Sistem Demokrasi Dan Kuasa Rakyat

16



Perebutan kuasa yang bersilih ganti ketika pentadbiran Barisan-Perikatan Nasional terutamanya ketika pandemik masih lagi mengganas telah mengakibatkan kelesuan politik dalam kalangan orang awam. Namun, keyakinan rakyat terhadap sistem demokrasi dapat dipulihkan dengan melaksanakan penambahbaikan yang dapat menyempurnakan hasrat mereka.

HARAPAN akan meneruskan usaha memperkasa kuasa rakyat dengan memastikan kebebasan Parlimen, mengawalselia pendanaan parti politik dan menjamin pilihan raya dilaksanakan secara adil dan saksama.

Tingkatkan Wibawa Parlimen

Mengembalikan kebebasan Parlimen Malaysia dengan mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen dan menambahbaik sistem Jawatankuasa Parlimen bagi memantapkan proses penggubalan dasar dan undang-undang.

Tambah Baik Kualiti Perdebatan Ahli Parlimen

Menubuhkan Pejabat Belanjawan Parlimen (PBO) yang menyediakan khidmat bebas secara objektif kepada semua ahli parlimen merentasi parti berkenaan anggaran implikasi kewangan, atau kos, dasar dan cadangan dasar mereka. Pembaharuan ini akan menambahbaik proses penggubalan dasar dan “menyeragamkan persaingan” dengan menyediakan akses kepada perkhidmatan anggaran kos dan analitikal lain yang biasanya hanya tersedia secara eksklusif kepada kerajaan jika tiada PBO.

Akta Pendanaan Politik

Memperkenalkan Akta Pendanaan Politik bagi membendung gejala politik wang dan penyelewengan dana seperti 1MDB dan skandal SRC.

Peruntukan Kawasan Sama Rata

HARAPAN bakal menyediakan Dana Pembangunan Kawasan Pilihan Raya (CDF) sama rata kepada semua wakil rakyat parlimen tanpa mengira parti kerana mereka mewakili kepentingan rakyat di kawasan itu. Peruntukan dana juga perlu disalurkan melalui Parlimen dan bukannya Pejabat Perdana Menteri (PMO).

Atasi Ketidakseimbangan Saiz Pengundian (*Malapportionment*)

Menyelesaikan ketidakseimbangan saiz pengundian yang melampau dengan melaksanakan had sisihan sebanyak 30% daripada purata saiz populasi mengundi kawasan pilihan raya.

Undi Tidak Hadir

Memperluas hak mengundi kepada pengundi luar kawasan terutama diaspora Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung Malaysia serta mereka yang bekerja atau belajar di wilayah Sabah dan Sarawak, dan sebaliknya.



Menjamin Kebebasan Media Dan Hak Bersuara

17

Salah satu petunjuk penting demokrasi adalah keupayaan media untuk melaporkan secara bebas mengenai isu semasa yang bersifat kepentingan awam. Fungsi penting demokrasi ini akan rosak apabila kebebasan media dihadkan dan kesan buruknya akan menyebabkan pemimpin dan rakyat tidak lagi mempunyai akses kepada maklumat yang benar.

HARAPAN komited untuk memastikan salah satu benteng utama demokrasi seperti kebebasan media dan hak bersuara dipelihara sesuai dengan prinsip keadilan yang dijulang bersama.

Memansuhkan Akta Zalim

Menyemak semula dan memansuhkan peruntukan akta-akta zalim yang boleh disalahguna untuk menyekat kebebasan bersuara antaranya Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Majlis Media

Menghidupkan semula usaha untuk menubuhkan sebuah Majlis Media (Media Council), yang dianggotai oleh tokoh-tokoh media sendiri, bagi melindungi kebebasan media dan kebajikan pengamal media.

Melindungi Pemberi Maklumat

Meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat bagi membolehkan pemberi maklumat mendedahkan penyelewengan secara terus ke media. Pindaan yang dilaksanakan dengan kadar segera akan membentuk sebuah mekanisma kawalan terhadap isu integriti dan sebarang ketirisan yang boleh merugikan negara boleh disekat di peringkat awal lagi.

Akta Kebebasan Maklumat

Memperkenalkan Akta Kebebasan Maklumat dan mengehadkan penggunaan Akta Rahsia Rasmi (OSA) kecuali terhadap perkara yang boleh menggugat keselamatan negara. Klasifikasi hendaklah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Parlimen dan bukannya budi bicara menteri.

Reformasi Kesihatan

18



Kesihatan awam berkait rapat dengan kesejahteraan rakyat. Malaysia diperakui sebagai salah sebuah negara dengan penjagaan kesihatan awam yang baik dan mampu diakses oleh semua. Namun selaras dengan pembangunan semasa dan pertambahan populasi, sudah muncul bibit-bibit penjagaan kesihatan awam dilihat semakin meregang (*overstretched*).

Pandemik COVID-19 telah menguji daya tahan dan mendedahkan kepincangan sektor penjagaan kesihatan awam. Akses kepada klinik dan hospital semakin terhad, dengan kadar hunian katil di wad yang melebihi kapasiti. Insiden kebakaran atau kerosakan fasiliti di hospital juga mendedahkan betapa usangnya infrastruktur kesihatan awam yang ada. Hartal Doktor Kontrak yang berlaku mendedahkan lagi kerosakan sistemik kesihatan awam.

HARAPAN percaya reformasi kesihatan perlu dilakukan segera sebelum nasi menjadi bubur. Kesejahteraan rakyat berkait rapat dengan kesihatan sejagat.

Kesihatan Dan Kesejahteraan

Beralih daripada penjagaan pesakit atau “sick care” kepada penjagaan kesihatan dan kesejahteraan (*healthcare & wellness*) termasuk menangani penentu sosial untuk kesihatan, seperti kemiskinan dan menyediakan pendidikan kesihatan dan akses kesihatan yang saksama kepada semua.

5% Dalam Masa 5 Tahun


Meningkatkan Belanjawan Kesihatan Awam kepada 5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) dalam masa 5 tahun agar ianya selaras dengan perkembangan populasi negara, pertambahan jangka hayat rakyat dan keperluan semasa.

Mengekang Peningkatan NCD

Memberi tumpuan khusus untuk menangani peningkatan penyakit tidak berjangkit (*Non Communicable Diseases*) dengan memberikan tumpuan kepada penjagaan primer, saringan kesihatan, pendidikan, kesejahteraan, kesihatan awam dan pengurangan tabiat yang membahayakan kesihatan termasuk merokok.

Suruhanjaya Kesihatan

Menubuhkan Suruhanjaya Kesihatan yang akan merangka dan memantau pelaksanaan “Pelan Reformasi Kesihatan Negara” bersama Unit Perancangan Ekonomi (EPU), MOF, Kementerian Kesihatan Malaysia dan MOE untuk menangani isu-isu sistemik termasuk pembiayaan penjagaan kesihatan (*healthcare financing*), desentralisasi kuasa, kerjasama awam dan swasta (PPP) dan lain-lain.





Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan Negara

Bagi menangani isu doktor kontrak, HARAPAN akan menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan untuk mengukuhkan pengurusan sumber manusia, perjawatan, latihan dan perkembangan kerjaya para petugas kesihatan.

Reformasi Penyampaian Perkhidmatan

Reformasi penyampaian perkhidmatan kesihatan negara meliputi pengurangan tempoh menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan, pemodenan fasiliti kesihatan dan mewujudkan waktu operasi yang fleksibel di klinik kesihatan berpopulasi tinggi.

Menjamin Kebajikan Doktor Dan Petugas Kesihatan

Hospital kerajaan beroperasi mengikut syif berbanding mengikut waktu kerja biasa sepetimana amalan di beberapa negara untuk membolehkan perkhidmatan kepakaran diberikan kepada setiap lapisan masyarakat serta dapat mengoptimakan penggunaan fasiliti kesihatan dan perubatan kerajaan.

Meluaskan mySalam

Meluaskan program perlindungan mySalam kepada golongan M40. Program merangkumi penyakit kritis dan kemasukan ke hospital untuk turut merangkumi penilaian dan penjagaan kesihatan mental termasuk kaunseling.

Mengembangkan Program PeKaB40 Kepada M40

Memperkuuh penjagaan primer dan pencegahan melalui sistem berasaskan kapitasi Pengamal Am (General Practitioner) di mana keluarga dilindungi oleh sistem doktor keluarga yang menyediakan pemeriksaan kesihatan berkala, perundingan kesihatan dan promosi kesihatan.

Agenda Negara Menua

Memberi tumpuan khusus kepada agenda negara menua (ageing nation) sebagai kesiapsiagaan menjelang 2030 di mana lebih 15% dari populasi negara akan berusia 60 tahun dan ke atas. Pelaksanaan agenda ini akan bergerak selari dengan dasar Ekonomi Manusiawi dan Pelan SiagaJaga.

Dekriminalisasi Cubaan Bunuh Diri

Menyegerakan pindaan Seksyen 309 Kanun Keseksaan untuk tidak lagi menjadikan percubaan membunuh diri sebagai satu perbuatan jenayah. Mereka yang berdepan dengan gangguan emosi dan mental memerlukan sokongan masyarakat, bukannya hukuman.

Perlindungan Kesihatan Mental

Memberikan lebih perhatian untuk meningkatkan penjagaan kesihatan mental secara holistik termasuk meluaskan liputan skim insurans kepada merangkumi perlindungan dalam isu kesihatan mental.



Meningkatkan Capaian Internet

19

Hari ini sambungan internet jalur lebar ultra pantas menjadi asas kritisik ekonomi digital dan perkhidmatan sosioekonomi. Sambungan berkelajuan tinggi membolehkan orang ramai melibatkan diri dalam e-dagang, menstrim video bagi proses pembelajaran dan melaksanakan pelbagai urusan harian yang lain.

Tanpa jalur lebar, inovasi seperti kecerdasan buatan, *Internet-of-Things* dan Industri 4.0 tidak akan dapat dilaksanakan. Tanpa akses yang mampu milik dan perkhidmatan internet berkualiti tinggi, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan usahawan berbakat Malaysia yang bercita-cita tinggi akan menjadi kurang upaya dalam memasarkan produk mereka untuk bersaing dengan seluruh dunia.

Hapuskan Kemiskinan Internet

Veveonah Mosibin dari Pitas, Sabah terpaksa bermalam di atas pokok untuk mendapatkan akses internet yang lebih baik untuk peperiksaan sekolahnya. Marina Jita, ibu Orang Asli dari Bekok, Johor membawa anak-anaknya menaiki motosikal sejauh 15km melalui hutan ke tempat perlindungan sementara di tengah-tengah ladang kelapa sawit untuk mengakses internet untuk pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19.

Jurang digital bandar luar bandar adalah nyata. Malah, akses kepada perkhidmatan internet berkualiti di kebanyakan komuniti di bandar-bandar Malaysia masih kekal tidak sekata. Komitmen utama kini adalah untuk membawa capaian internet pantas ke seluruh Malaysia bagi menamatkan kemiskinan internet. Liputan sejagat dan kualiti perkhidmatan mesti diutamakan berbanding faktor lain.

Pertumbuhan Industri Pusat Data

Pusat data sudah pun menjadi industri bernilai AS\$100 bilion di seluruh dunia. Lokasi Malaysia yang strategik di antara timur dan barat menjadikan Malaysia destinasi menarik bagi pelabur antarabangsa yang ingin membangunkan pusat data. Selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan, mengembangkan Malaysia untuk menjadi hab serantau pusat data akan memulakan infrastruktur digital yang lebih baik yang membawa kepada perkhidmatan internet berkualiti tinggi kepada semua rakyat Malaysia.

Meningkatkan Liputan Pengangkutan Awam

20



Pengangkutan awam yang cekap, mudah diakses kepada setiap lapisan masyarakat dan mampu milik serta mudah diselenggara adalah impian rakyat di mana-mana negara. Tetapi di Malaysia pembangunan infrastruktur pengangkutan yang memberikan keutamaan kepada pemilikan kenderaan persendirian telah mengakibatkan pengangkutan awam dianak tirikan. Natijahnya rakyat Malaysia khususnya yang tinggal di Lembah Klang dan bandar lain terpaksa bergantung kepada kenderaan persendirian kerana kerajaan gagal menyediakan pilihan pengangkutan awam yang berdaya maju untuk rakyat.

HARAPAN berazam untuk meningkatkan liputan pengangkutan awam bagi menjamin kesejahteraan rakyat selain mengurangkan kebergantungan bahan api dan pencemaran alam sekitar. Tiada bandar maju yang boleh wujud tanpa rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam kukuh.

Akses Mudah, Pergerakan Mudah

Kita perlu memastikan pengangkutan awam bukan sahaja mudah diakses, tetapi juga lengkap dan berdaya maju di mana pengguna dapat bergerak mudah ke destinasi yang dituju. Ini termasuk memastikan 80% dari kawasan bandar berada di dalam lingkungan 10 minit berjalan kaki dari hentian bas atau kereta api. Tempoh masa menunggu juga tidak seharusnya melebihi tempoh 10 minit untuk mana-mana perkhidmatan pengangkutan awam khususnya bas. Untuk tujuan tersebut kita memerlukan 10,000 buah bas bagi seluruh kawasan bandar di Malaysia dengan 7,000 darinya beroperasi di Lembah Klang.

Had Tambang

Selain dari pas bulanan RM50, kita boleh memperkenalkan had tambang sehingga RM5 sehari bagi menggalakkan lebih ramai pengguna pengangkutan awam, khususnya mereka bukan merupakan pengguna tetap harian.

Regulasi Dan Legalisasi Mobiliti Mikro

HARAPAN akan membantu dalam regularisasi dan legalisasi mobiliti mikro seperti e-scooter dan e-bicycle bagi memastikan tersedianya first and last mile connection yang tidak diliputi oleh mana-mana mod pengangkutan awam.

Baucer Pengangkutan

Kerajaan boleh bekerjasama dengan penyedia perkongsian perjalanan seperti Grab, untuk menawarkan baucer pengangkutan ke stesen transit. Baucar ini boleh ditawarkan pada harga RM5 setiap baucar dan sehingga 10 baucar setiap orang melalui e-dompet yang boleh digunakan untuk sebarang perjalanan bermula atau berakhir dari stesen LRT, MRT, monorel dan KTM, serta stesen bas utama di seluruh negara.

Meluaskan Mod Pembayaran

Meluaskan mod pembayaran kepada kad debit dan e-wallet dari mod sedia ada iaitu Touch 'n Go.

Reformasi Pendidikan

21

4 Pandemik COVID-19 yang lalu telah mendedahkan kelemahan sistem pendidikan nasional. Paling ketara, jurang antara kelas telah menyebabkan peluang pendidikan tidak setara ketika sekolah ditutup akibat PKP.

Pasca Pandemik, fokus reformasi pendidikan adalah untuk merapatkan jurang, meningkatkan kualiti, memastikan kebajikan guru menjadi teras utama serta menjadikan Pendidikan Tinggi sebagai kesinambungan kepada peluang masa depan yang lebih cerah untuk anak Malaysia.

PENDIDIKAN RENDAH

Sarapan Percuma

UNICEF menganggarkan masalah nutrisi dalam kalangan kanak-kanak dijangka meningkat dua kali ganda ketika pandemik COVID-19. HARAPAN akan menambah peruntukan program sarapan percuma sedia ada bagi golongan yang memerlukan. Ini amat penting bagi lebih 500,000 penerima supaya mereka dibekalkan dengan nutrisi yang diperlukan ketika memulakan sesi persekolahan setiap hari, sepanjang tahun.

Pasca-Pandemik, Menurunkan Kadar ‘Lost Generation’

Untuk memulihkan jurang pembelajaran kerana penutupan sekolah akibat pandemik COVID-19, belanjawan khas akan diperuntukkan untuk menilai tahap kemampuan 3M (Membaca, Menulis, Mengira) di seluruh negara. Dalam masa yang sama untuk memastikan golongan yang tertinggal terutama mereka dari latar belakang miskin dan pedalaman (lost generation) tidak terus tercicir, elaun khas akan diperuntukkan sebagai sokongan tambahan kepada para guru untuk menjalankan pelan pemulihan yang sesuai dan efektif agar kadar keciciran dapat diturunkan.

Kurangkan Sekolah Daif

Jurang infrastruktur di antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak bermakna jurang pendidikan tidak pernah menjadi keutamaan walau Malaysia merdeka lebih dari 60 tahun yang lalu. Untuk memastikan pendidikan berkualiti dapat diberikan kepada semua anak Malaysia termasuk anak-anak di Sabah & Sarawak, pemberian sekolah daif akan menjadi teras Reformasi Pendidikan termasuk meningkatkan perbelanjaan pembinaan bangunan baharu melalui pembinaan modular dan IBS serta penyelenggaraan bangunan sekolah yang lebih efisien dalam kadar segera.

Ringankan Beban Guru

Untuk memastikan kualiti pendidikan dapat disampaikan di dalam kelas dengan cemerlang, keutamaan harus dimulakan dengan membina persekitaran yang menyokong para guru. Guru tidak boleh lagi dibebani dengan birokrasi yang melampau untuk memastikan mereka kembali fokus kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Untuk jangka masa pendek, pertindihan prosedur dan laporan sedia ada akan diperkemas. Bagi jangka masa panjang pula, peruntukan yang mencukupi akan dipertimbangkan untuk melantik pembantu pengajar yang sesuai untuk membantu para guru melaksanakan tugas pentadbiran mereka.

Program Silang Budaya

Sebagai sebuah negara berbilang bangsa dan budaya yang menjadi contoh kepada dunia luar, Malaysia perlu terus mengekalkan identiti dan kelebihan ini untuk terus diwariskan kepada anak bangsa. Untuk memupuk perpaduan lebih awal di kalangan generasi muda, program silang budaya akan dilaksanakan bagi pelajar sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah vernakular dan sekolah agama.

Peruntukan Adil

Untuk membantu setiap golongan yang mempunyai keperluan yang berbeza, peruntukan yang adil akan disalurkan kepada semua sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Berasrama Penuh, Maktab Rendah Sains MARA, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Mubaligh, Sekolah Tahfiz, Sekolah Agama Rakyat & Sekolah Agama Persendirian, Sekolah Pondok yang berdaftar, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC).

Bahasa Etnik

Keupayaan mengajar bahasa etnik di Institut Pendidikan Guru (IPG) akan diperluas untuk memelihara warisan dan memastikan lebih ramai guru dilatih dan diberi pendedahan sebagai usaha berterusan membina generasi yang lebih berbudaya.

Pengiktirafan Sijil UEC

Meneruskan usaha untuk mengiktiraf sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan syarat pemohon memiliki kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Untuk tujuan ini, sijil UEC akan dinilai agar setaraf dengan syarat am kelayakan sedia ada untuk kemasukan ke IPTA.



PENDIDIKAN TINGGI

Mansuhkan AUKU

Untuk menyelia Reformasi Pendidikan yang berterusan, autonomi kepada pentadbiran Universiti & Institut Pengajian Tinggi harus menjadi keutamaan. Untuk itu AUKU akan dimansuhkan dan pemegang taruh dalam hal tadbir urus akan dikembalikan semula kepada pelajar, pensyarah dan alumni.

Pengampunan Hutang PTPTN Bersasar

Untuk mengatasi masalah pinjaman pendidikan tidak munasabah dalam kalangan siswa termasuk keberhutangan PTPTN pula, Program Pemansuhan Hutang bersasar khas kepada golongan miskin dan isi rumah B40 akan diperkenalkan. Jadual pembayaran semula PTPTN pula akan dilaksana berasaskan gaji bagi graduan baharu bermula RM4,000 dengan peratusan meningkat mengikut gaji.

Biasiswa B40

Dalam masa yang sama, lebih banyak biasiswa akan diperkenalkan mencakupi golongan B40 untuk mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman PTPTN.

Menambah Peluang

Memastikan semua pelajar SPM & STPM yang cemerlang berpeluang ke IPTA untuk memberi lebih banyak peluang kepada anak-anak yang benar-benar layak mengikut pencapaian.

Ketahanan Bencana

22



Tragedi bah besar yang melanda hampir seluruh negara pada penghujung 2021 dan awal 2022 merupakan satu episod tragis yang telah mengorbankan 54 nyawa dan 2 kehilangan. Bencana ini turut mengakibatkan lebih 71,000 penduduk hilang tempat tinggal dan sekitar 125,000 yang lain terjejas kehidupan, dengan kerugian ekonomi dianggarkan mencecah RM6.5 bilion.

Insiden ini adalah peringatan tentang ancaman krisis iklim dan potensi bencana yang boleh berlaku. Justeru dasar ketahanan bencana perlu dirangka bagi mempersiapkan negara dalam berdepan malapetaka.

Walaupun kejadian seperti bencana alam tidak boleh dielakkan, kita boleh mengurangkan impak bencana dengan persediaan ketahanan yang menyeluruh. HARAPAN akan memastikan impak insiden seperti tragedi bah besar tidak akan berulang dan keselamatan setiap lapisan rakyat terjamin.

Rancangan Infrastruktur Dan Pembangunan Lestari

Mengutamakan rancangan infrastruktur saliran dan tebatan banjir serta pembangunan lestari. Projek tebatan banjir di kawasan cenderung banjir harus merangkumi pembangunan infrastruktur ekologi dan menambah baik sistem perparitan serta tumbuh-tumbuhan untuk laluan pejalan kaki dan bumbung awam.

Skim Perlindungan Bencana Nasional

Bayaran bantuan mengikut nilai kegurian sehingga RM50,000 untuk setiap rumah yang terkesan dari bencana.

Memperkuuh NADMA

Menyemak semula struktur dan memperkuuh operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk meningkatkan kapasiti mengurus dan mengurangkan risiko bencana dan memberikan amaran awal.

Kesiapsiagaan Banjir Dan Bencana

Menyelaras dan merangka pelan kesiapsiagaan banjir dan bencana menyeluruh yang menggariskan tanggungjawab setiap peringkat kerajaan dan memastikan sumber mencukupi diperuntukkan bagi usaha mencegah, menyelamat, menyalur bantuan dan mengurus pemulihan. Pertimbangan khusus antaranya kepada golongan rentan, gelandangan, OKU dan warga tua.

Pemeliharaan Alam Sekitar

23



Alam sekitar merupakan khazanah yang dikurniakan sebagai amanah untuk dipelihara. Krisis iklim, jika tidak diurus dengan tuntas, bakal menjelaskan kesejahteraan masa depan anak bangsa.

HARAPAN menggariskan beberapa isu penting melibatkan kecemasan iklim, mencari formula terbaik sebagai rencana untuk daya tahan iklim dan tebatan banjir, menggerakkan negara ke arah pelepasan bersih sifar karbon (*net-zero emissions*) sambil menekankan aspek ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Akta Perubahan Iklim

Menggubal Akta Perubahan Iklim yang menetapkan sasaran pelepasan karbon dan liputan hutan menjelang 2040. Usaha dimulakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan tetapi tergendala setelah Perikatan Nasional dan Barisan Nasional mengambil alih tumpuk pemerintahan negara.

Pemindahan Fiskal Ekologi

Memanfaatkan mekanisme Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT) dengan menambahkan peruntukan dana pembiayaan hutan sekurang-kurangnya RM1 bilion kepada kerajaan negeri sebagai insentif untuk tidak menyahwarta hutan simpan.

Kawasan Perlindungan Marin

Meningkatkan peratusan Kawasan Perlindungan Marin kepada 30 peratus menjelang 2030 untuk melindungi kawasan berharga ini secara sah daripada dieksplotasi.

Akta Jerebu Rentas Sempadan

Menggubal Akta Jerebu Rentas Sempadan dan memperkasa kerangka kerjasama antara negara jiran serantau bagi penguatkuasaan undang-undang berkaitan pencegahan pencemaran.

Ekonomi MADANI



24

Pilihan raya kali ini adalah mengenai krisis sara hidup dan perubahan iklim yang mencemaskan. Sama ada kita bersedia atau tidak, kita berada di ambang perubahan yang tidak dapat dihalang. Secara radikal, mahu atau tidak kita harus meningkatkan taraf hidup dengan mengubah ekonomi kita menjadi ekonomi rendah karbon yang kaya dengan pekerjaan yang lebih adil dan demokratik.

Revolusi industri hijau ataupun Ekonomi Madani bukan sahaja akan memberikan penambahbaikan buat kehidupan semua tetapi juga menawarkan tawaran buat ekonomi yang lebih saksama, yang melindungi alam sekitar, mengekang kuasa korporat, menghidupkan semula demokrasi, menyatukan masyarakat dan membina perpaduan serta menjanjikan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua.

Tenaga Boleh Diperbaharui

Meningkatkan pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui untuk mencapai sasaran 50 peratus daripada campuran jumlah bekalan tenaga utama (TPES) negara. Lebih banyak insentif akan diberikan kepada premis persendirian termasuk perumahan untuk beralih kepada tenaga solar.

Pengurangan Jejak Karbon

Mendorong projek hijau dan memastikan 20% daripada 10,500 premis awam untuk diperuntukkan bagi projek pemasangan tenaga cekap dan tenaga boleh diperbaharui sebagai sebahagian perbelanjaan infrastruktur berskala besar. Ini akan mengurangkan jejak karbon kerajaan dan merangsang kegiatan ekonomi serta meningkatkan peluang pekerjaan hijau.



Merancakkan Perindustrian

25



Malaysia adalah destinasi pelaburan utama dalam sektor perindustrian di rantau ASEAN. Disokong oleh ekosistem ekonomi yang pelbagai serta menyeluruh, tenaga kerja berpendidikan dan sektor kewangan yang kukuh, negara kita mempunyai keupayaan menarik pelaburan dan industri yang menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama mereka.

Namun, perkembangan ekonomi serantau menyaksikan kemunculan jiran serantau yang kini berpotensi menarik pelaburan dan industri sekaligus menjadi pesaing Malaysia. Lantaran itu kita perlu bersedia untuk memupuk ekonomi masa hadapan yang akan menggunakan teknologi moden, automasi, IR4.0, pendigitalan dan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Malaysia juga perlu lebih cekap dalam memudahkan proses memulakan perniagaan baik untuk pelabur luar atau pun dalam negara.

HARAPAN komited dalam memastikan kebolehan daya saing Malaysia dalam sektor industri kekal berada dalam tahap terbaik. Kita boleh mengekalkan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang paling maju dari segi teknologi perindustrian di rantau ASEAN.

Fasilitasi Industri

Mempermudah proses perniagaan dan perdagangan dengan mengurangkan kerenah birokrasi melalui fasilitasi berterusan oleh agensi-agensi kerajaan seperti MIDA, MATRADE, SME Corp, MPC, MIDF dan sebagainya..

Dana Strategik

Memperkenalkan lebih banyak dana strategik yang mengukuhkan kapasiti syarikat milik Malaysia untuk melibatkan diri dalam pelaburan langsung domestik. Dalam semangat yang sama seperti Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF), dana tersebut harus membenarkan syarikat domestik menaik taraf peralatan jentera (automasi), meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, meningkatkan kemahiran tenaga kerja melalui inisiatif latihan dan mencapai pensijilan antarabangsa bagi produk mereka.

Insentif Eksport

Menyediakan lebih banyak insentif eksport untuk menggalakkan perdagangan antarabangsa, seperti insentif cukai untuk potongan tiga kali ganda ke atas perbelanjaan yang berkaitan dengan perjalanan perniagaan untuk menggalakkan eksport; menyediakan geran dan insentif untuk pengiklanan dalam talian atau kempen pemasaran syarikat tempatan untuk meningkatkan jualan mereka di luar negara.

Zon Perdagangan Bebas

Mewarta Zon Perdagangan Bebas di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), POIC Lahad Datu dan Sandakan serta Taman Perindustrian Minyak & Gas Sipitang (SOGIP) bagi menarik pelaburan di wilayah Sabah.

Naik Taraf Infrastruktur

Menaiktaraf infrastruktur asas di semua taman perindustrian termasuk air, elektrik, sistem pembentungan dan jalan perhubungan bagi memastikan taman perindustrian kekal kompetitif bagi menarik pelaburan dan industri.

Memperkasa PMKS (MSME) & Usahawan

26



Pandemik COVID-19 menyaksikan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menjadi antara sektor yang paling terjejas teruk. Walaupun pandemik telah berakhir, sektor PMKS masih belum mampu bangkit sepenuhnya.

Kita boleh memulihkan sektor PMKS melalui dasar-dasar yang menyokong pertumbuhan kembali sektor ini. Pemulihan dan pertumbuhan PMKS perlu mengambil kira daya tahan bagi memastikan PMKS bersedia menghadapi sebarang kejutan dan dapat terus menyumbang kepada sektor ekonomi.

Sumber Tenaga Kerja

Menangani kekurangan buruh dengan memperkemas proses pengambilan pekerja asing bagi memastikan operasi PMKS berterusan tanpa sebarang gangguan.

Pusat Pendigitalan Sehenti

Menubuhkan Pusat Pendigitalan Sehenti untuk membantu perniagaan kecil dan sederhana memohon insentif pendigitalan bagi memastikan transformasi digital berjalan lancar di kalangan PMKS.

Peningkatan Produktiviti

Menyediakan insentif atau geran bagi penyelesaian produktiviti khusus untuk PMKS dalam meningkatkan produktiviti buruh dan kecekapan penggunaan modal. Perbelanjaan yang layak termasuk pembelian peralatan teknologi, alat/penyelesaian pemasaran digital, perundingan dan perkhidmatan teknikal.

Pembiayaan Modal Teroka

Meningkatkan peruntukan untuk pembiayaan modal teroka (VC) secara berkala bagi menggalakkan usahawan dalam bidang teknologi tinggi memulakan operasi PMKS mereka.



Memacu Ekonomi Sukan

27



Sektor sukan berpotensi memacu ekonomi negara menerusi pelaburan strategik dan penyusunan semula kerangka pembangunan ekosistem ini. Kemudahan infrastruktur, pengurusan kebajikan dan perlindungan atlet, penglibatan pemegang taruh, perancangan rapi bagi menggilap bakat di setiap peringkat dalam masyarakat adalah faktor-faktor penting bagi menjadikan sukan sebagai salah satu pemacu utama kemakmuran Malaysia.

HARAPAN akan terus memartabatkan sukan negara dengan melaksanakan pelan holistik merangkumi setiap jenis sukan di Malaysia.

Destinasi Latihan Sukan

Menaiktaraf kompleks sukan terpilih untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi latihan sukan berprestasi tinggi. Fasiliti sukan ini akan dilengkapi dengan teknologi terkini yang membolehkan atlet menjalani proses latihan dan rehabilitasi sukan yang canggih. Atlet-atlet ini kelak dapat menerima pengalaman latihan dan rehabilitasi sukan yang lebih berkualiti.

Manfaatkan Keunikan Ekosistem e-sukan

Ekosistem e-sukan yang sedia ada perlu digunakan dengan sepenuhnya. Penggabungan acara tahunan berskala besar seperti *Level-Up* dan *EPIC* bakal menarik minat seluruh ekosistem e-sukan dan juga gergasi seperti *Valve* dan juga *Tencent* untuk turut serta.

Melibatkan pemegang taruh e-sukan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dengan mengadakan perbincangan berkala tentang polisi dan perubahan bagi menyokong ekosistem e-sukan.

Sokongan Pelancongan Sukan

Memperkemas dan mendigitalkan proses permohonan visa bagi atlet sukan antarabangsa dan atlet e-sukan selain memberikan sokongan kepada kejohanan-kejohanan e-sukan. Ini dapat memberi sokongan kepada pembangunan industri pelancongan sukan lantas memanfaatkan sepenuhnya infrastruktur sukan bertaraf antarabangsa yang terdapat di seluruh negara.

Kemahiran Urus Kerjaya

Mempersiapkan atlet termasuk e-sukan yang berpotensi dengan pengetahuan dan kemahiran insani. Pada awal pembabitan mereka, atlet akan didedahkan dengan ilmu pengurusan kewangan dan kemahiran berkomunikasi. Ini akan dapat membantu bagi melahirkan ekosistem sukan dan e-sukan yang benar-benar berfungsi.

Sukan Untuk Semua

Memudahkan akses rakyat kepada kemudahan dan infrastruktur sukan agar budaya sukan dapat diterjemahkan sebagai realiti.

Bakat Akar Umbi

Membuka ruang dan peluang kepada bakat sukan di peringkat akar umbi untuk menyertai sukan secara lebih terbuka.

Peralihan Atlet Pasca Aktif

Memeterai kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) bagi melaksanakan program latihan kemahiran dan kerjaya khusus buat bekas atlet bagi menjamin kehidupan mereka ketika persaraan.

Pembangunan Industri Kreatif dan Budaya Negara

28

LSejarah dunia memperlihatkan tamadun yang bergerak maju semuanya mempunyai sejarah yang hebat berkaitan perkembangan budaya kreatif. Malaysia yang kaya dari sudut seni dan budaya kerana kepelbagaian kaum dan adat adalah Malaysia yang berbudaya dengan warga kreatif dan seniman yang hidup dalam kesatuan.

Untuk memelihara industri kreatif dan tradisi kesenian yang pelbagai ini semua kanak-kanak harus mempunyai peluang untuk mempelajari instrumen, melibatkan diri dengan seni dan mengembangkan kreativiti mereka. Manakala penggiat seni dan industri kreatif perlu mendapat sokongan sepenuhnya untuk meneruskan agenda seni dan kreatif negara.

Dasar Industri Kreatif Negara

Korea Selatan adalah antara contoh terbaik yang memanfaatkan seni dan budaya untuk memperkenalkan negara dan produk mereka sehingga menyumbang kepada pembangunan ekonomi keseluruhannya.

Sebagai negara yang rencam dengan budaya pelbagai etnik, Malaysia berpotensi menawarkan karya seni dengan daya tarikan yang unik. Untuk itu satu Pasukan Petugas Khas bakal ditubuhkan untuk membuat kajian menyeluruh tentang hala tuju industri kreatif negara sebagai pemangkin pembangunan negara yang melibatkan FINAS, ASWARA, SENIMAN dan pemegang taruh yang lain. Dasar industri Kreatif Negara ini akan dirangka secara menyeluruh bagi memperkasa seni muzik, filem dan seni kreatif lain dengan mencerminkan kepelbagaiannya seni dan budaya masyarakat kita termasuk etnik-etnik di Sabah dan Sarawak.

Hub Penggambaran Filem

Menjadikan Malaysia sebagai hub penggambaran filem yang memberi impak positif kepada industri perkhidmatan dan ekonomi penduduk setempat.

Kesejahteraan Penggiat Seni

Untuk memastikan kebijakan penggiat dan pemain industri kreatif dalam jangka masa panjang, sistem jaringan keselamatan sosial untuk golongan ini akan diperkuuh.

Penubuhan Badan Bebas Filem

Menubuhkan badan bebas, profesional, telus dan bertanggungjawab bagi ahli industri, artis dan masyarakat sivil yang berkelayakan untuk mengawal selia filem dan menambahbaik struktur sedia ada.

Mempermudah Sistem Pelesenan

Meminda sistem pelesenan dan rangka kerja undang-undang untuk mengurangkan beban yang tidak sepatutnya ke atas penggiat seni tempatan. Ini termasuk sekatan ke atas kapasiti kreatif sehingga menyebabkan ruang kerja seni dan budaya itu produk yang tidak bebas lagi.

Dana Budaya Kreatif Untuk Sekolah

Untuk menggalakkan murid-murid di sekolah mempunyai peluang terlibat dengan proses seni dan kreatif sejak di bangku sekolah dan mempromosikan seni dan budaya sebagai alat pendidikan, sejumlah dana akan diperuntukkan sebagai dana latihan budaya.



Menjamin Kesejahteraan Dan Daya Saing Rakyat Malaysia

29

Faktor-faktor geografi, kelas sosioekonomi, latar belakang, dan etnik serba-serbi membentuk perkembangan sesebuah komuniti dan individu. Kesenjangan sistem sedia ada mengehadkan akses sebahagian komuniti ini khususnya masyarakat India, Orang Asli dan Orang Asal kepada kemudahan asas, pendidikan berkualiti, peluang kerjaya dan kediaman selesa yang menjadi elemen penting bagi meningkatkan mobiliti sosial dan taraf hidup mereka.

Intervensi strategik perlu dilaksanakan di setiap tahap perkembangan. HARAPAN yakin kita boleh meneruskan usaha proaktif untuk merapatkan jurang sosioekonomi antara komuniti-komuniti dengan meningkatkan daya saing supaya tiada siapa yang tercicir dalam menikmati kemakmuran negara.

Masalah Tiada Kewarganegaraan

Menyelesaikan masalah tiada kewarganegaraan masyarakat India (stateless Indians) dan masyarakat lain, yang akan diselaraskan melalui satu jawatankuasa khas di bawah JPM dan laporannya dibentangkan di Parlimen dan disemak oleh Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen. Jawatankuasa Khas ini juga akan menyelaraskan bantuan-bantuan segera mengikut keperluan kepada golongan ini sehingga proses kewarganegaraan diselesaikan.

Sokongan Keluarga

Bantuan tunai kanak-kanak setiap bulan dari lahir hingga umur 6 tahun untuk mengatasi isu kekurangan nutrisi dalam fasa penting perkembangan bagi mengelakkan gejala bantut.

Hapuskan Diskriminasi

Menangani segala bentuk halangan diskriminasi terutamanya dalam sektor pendidikan, di tempat kerja dan dalam hal penyewaan kediaman.

Akses Pendidikan Dan Latihan

Meningkatkan akses kepada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan penempatan untuk latihan berdasarkan kemahiran (TVET) untuk belia daripada komuniti-komuniti ini.

Pembangunan Sosioekonomi

Menyemak semula unit pembangunan sosioekonomi seperti MITRA dan memperkenal Dana khas "*Makkal Malarchi*" untuk pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Memperkasa program-program sokongan dengan kuota minimum 40% untuk wanita dan OKU bagi tujuan latihan kemahiran, geran untuk perniagaan kecil dan industri di rumah.

Pemilikan Rumah Sendiri

Menyelesaikan masalah perumahan yang dihadapi komuniti ini khususnya pekerja ladang dan bekas pekerja ladang dan perkampungan Orang Asli yang kehilangan tempat tinggal. PBT dan kerajaan negeri akan mewajibkan pemaju perumahan untuk membina rumah bagi mereka berdasarkan konsep rumah ganti rumah.

Peluang Ekonomi Dan Perniagaan

Bantuan bagi meningkatkan penyertaan dalam perniagaan, pertanian dan penternakan. Inisiatif termasuk penyediaan skim kredit mikro dan skim sokongan pendanaan, latihan, sokongan konsultasi pentadbiran dan kawal selia dengan kuota minimum 40% untuk golongan wanita dan OKU.

Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI)

Mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (*Royal Commission of Inquiry-RCI*) untuk menyiasat salah guna kuasa dan rasuah bagi dana-dana yang dikhaskan untuk pembangunan sosio-ekonomi seperti Maika Holdings, MIED, SEED, SEDIC, NAAM, Penjana Kerja dan MITRA, dan seterusnya akan memastikan semua pesalah laku dibawa ke muka pengadilan.

Membela Nasib Orang Asal (Sabah & Sarawak Dan Semenanjung Malaysia)

30



Nasib golongan Orang Asal atau Orang Asli di negara ini masih belum mendapat pembelaan dan perhatian yang sewajarnya.

HARAPAN akan memastikan hak-hak orang Asli/Asal seperti yang terkandung dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hak-hak Masyarakat Orang Asal/Asli (UNDRIP) pada 13 September 2007 akan dibela dan diperjuangkan.

Perkukuh Hak Tanah Adat

Membela martabat Orang Asal dan memperkukuh hak tanah adat (*native customary rights to land*) dengan meminda undang-undang dan dasar yang berkaitan.

Tribunal Tanah

Menubuhkan satu Tribunal Tanah (*Land Tribunal*) untuk mengendalikan pertikaian Hak Tanah Adat.

Penyerahan Geran Tanah

Mempercepatkan proses penyerahan geran tanah kepada Orang Asal yang layak memiliki, dan pengiktirafan hak pegangan tanah adat. Memastikan rakyat memperoleh Geran Tanah menerusi Program Khas Perkhidmatan Negeri Sabah (PANTAS), dengan peruntukan sebanyak RM100 juta setiap tahun sehingga masalah diselesaikan.

Mahkamah Anak Negeri Sabah

Memperkasa dan memperjuang autonomi dan kebebasan Mahkamah Anak Negeri Sabah dengan mewujudkan Jabatan Kehakiman Anak Negeri. Mengiktiraf dan memberi pensijilan kepada kakitangan Mahkamah Anak Negeri menerusi Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri (ILMAN).

Izin Maklum Awal Bebas Dan Telus

Menerima pakai prinsip Izin Maklum Awal Bebas dan Telus (*Free, Prior and Informed Consent*) dalam rancangan pembangunan kerajaan yang melibatkan wilayah Orang Asal.

Merapatkan Jurang Pembangunan Wilayah Sabah, Sarawak Dan Semenanjung

31



Pembangunan Wilayah Sabah dan Sarawak masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan wilayah Semenanjung.

HARAPAN akan berusaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara Wilayah Sabah dan Sarawak dengan Wilayah Semenanjung. Aspek pembangunan bakat dan peningkatan akses kesihatan akan menjadi teras kepada pelaksanaan ini.

Majlis Penyelarasian Pentadbiran Negara

Menubuhkan Majlis Penyelarasian Pentadbiran Negara melibatkan agensi yang beroperasi secara autonomi bagi wilayah Sabah, Sarawak, dan Semenanjung.

Timbalan Perdana Menteri Sabah Dan Sarawak

Untuk memudahkan urus tadbir Majlis tersebut, dua (2) Timbalan Perdana Menteri akan dilantik. Seorang dari wilayah Sabah dan Sarawak dan seorang dari wilayah Semenanjung.

Akses Khidmat Kesihatan Pakar

Meluaskan liputan perkhidmatan perubatan pakar seperti Unit Jantung dan Unit Kanser ke hospital-hospital umum di kawasan berkepadatan tinggi lain terutamanya Sandakan dan Tawau di bahagian timur Sabah dan kawasan tengah dan utara Sarawak.

Pendidikan Tinggi Dan TVET

Dua Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) baru akan dibina di Sabah & Sarawak dan integrasi pendidikan TVET akan diperkasa. Inisiatif ini akan menjadi pemangkin kepada usaha untuk menarik lebih ramai pengajar berbakat dan melatih lebih ramai anak Sabah dan Sarawak yang layak untuk memasuki pendidikan tinggi. Dalam masa yang sama membina lebih banyak peluang pekerjaan dan pendidikan kepada wilayah Sabah dan Sarawak.



Memperkasa Wilayah Sabah & Sarawak Menerusi Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963

32



Kedudukan sama rata Wilayah Sabah, Sarawak, dan Semenanjung akan terus dipelihara.

HARAPAN akan memastikan hak serta keistimewaan yang dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia 1963 serta Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) dilaksana seperti yang dimaksudkan.

Perkongsian Hasil

Melaksanakan seperti yang dimaksudkan sebanyak 40% hasil wilayah Sabah dipulangkan berdasarkan formula asal Perkara 112C dan Subseksyen 2(1) Bahagian IV Jadual Kesepuluh dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal Sarawak, kajian semula hendaklah dibuat seperti yang tertakluk di bawah Perkara 112D Seksyen 3, iaitu setiap lima tahun.

Melaksanakan Syor Laporan IGC

Mengembalikan kuasa melantik Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak kepada Tuan Yang Terutama (TYT) kedua-dua wilayah seperti yang dimaksudkan dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC).

Memastikan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan kesemua 12 dokumen terutamanya IGC dihormati dan mana-mana perkara yang telah bercanggah dengan niat asal perjanjian akan dilaksana seperti yang dimaksudkan.

35% Perwakilan Parlimen Sabah Dan Sarawak

Sejajar dengan laporan IGC, memastikan 35% perwakilan Parlimen adalah dari Wilayah Sabah dan Sarawak.



Desentralisasi Kuasa Kepada Wilayah Sabah & Sarawak

33



Pembuatan keputusan mengenai perkara penting lazimnya berpusat. Polisi-polisi yang diterbitkan seringkali tersasar daripada keperluan demografi wilayah Sabah dan Sarawak.

Amalan ini perlu diubah dan caranya adalah melalui desentralisasi kuasa di peringkat akar umbi dan perjawatan awam.

Autonomi Pendidikan Dan Kesihatan

Memperkasa peranan Kerajaan Wilayah dalam bidang Pendidikan dan Kesihatan menerusi pindaan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan kepada Senarai Bersama, untuk mempertingkat peranan dalam perkara seperti:

- i. Naik taraf sekolah-sekolah daif.
- ii. Memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa-bahasa Etnik diperluas seperti Kadazandusun, Bajau, Murut, Iban dan lain-lain secara konsisten setiap tahun.
- iii. Mewujudkan Fakulti Undang-undang di universiti awam Sabah.
- iv. Menambah baik kemudahan makmal kesihatan.

Menyerahkan Urus Tadbir Bekalan Elektrik

Menyerahkan urus tadbir Sabah Electricity Sdn. Bhd mengikut termasuk yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung

Memperkasa institusi akar umbi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung menerusi proses pendemokrasian dan saluran peruntukan terus daripada kerajaan persekutuan. Jawatan Setiausaha akan dilantik daripada kalangan penjawat awam.

Perjawatan Anak Negeri

Polisi Borneonisasi iaitu 70% dalam perjawatan semua agensi pusat dan negeri untuk anak-anak Sabah dan Sarawak yang layak, terutamanya peringkat atasan.

Menyelesaikan Pelbagai Isu Kebanjiran Warga Asing Di Sabah

34

Sempadan yang poros mendedahkan Sabah kepada kemasukan warga asing ke wilayah ini. Kebanjiran warga asing tanpa dokumen yang berleluasa boleh menjurus kepada masalah sosioekonomi yang akan menjelaskan pembangunan wilayah Sabah secara keseluruhan. Justeru satu pelan tindakan bersepada diperlukan bagi mencari penyelesaian tuntas terhadap permasalahan ini.

HARAPAN memperakui hakikat bahawa terdapat empat (4) kategori utama dalam masalah kebanjiran warga asing di Sabah iaitu:

- i. Pemegang kad pengenalan (MyKad) yang meragukan;
- ii. Pelarian Perang Filipina (Refugees);
- iii. Orang Tanpa Kerakyatan (Stateless) dan;
- iv. Pendatang Tanpa Izin (PTI).

HARAPAN berpandangan perlunya penubuhan satu Pasukan Petugas Khas melibatkan agensi berkaitan bagi mencari jalan penyelesaian tuntas yang relevan dengan isu masing-masing.

Mencipta Peluang Pekerjaan Dan Menarik Pelaburan Di Sabah & Sarawak

35

6

Berlaku peningkatan drastik kadar pengangguran setelah badai pandemik COVID-19 berakhir. Sabah terutamanya mencatatkan kadar pengangguran tinggi sehingga 9% tahun lalu. Sebagai langkah bagi mengurangkan kadar pengangguran, penambahbaikan dari segi kemudahan infrastruktur dan logistik perlu diperhebatkan untuk menarik kemasukan pelabur seterusnya mencipta peluang pekerjaan.

Untuk itu, HARAPAN akan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut bagi membolehkan rakyat Sabah dan Sarawak yang menganggur mendapat pekerjaan untuk menyara keluarga. Kita boleh memastikan masa depan yang gemilang untuk penduduk wilayah Sabah dan Sarawak.

Naik Taraf Pelabuhan

Menaik taraf pelabuhan POIC Lahad Datu dan pelabuhan Sepanggar, serta membina pelabuhan Kudat.

Zon Perdagangan Bebas

Mewarta Zon Perdagangan Bebas di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), POIC Lahad Datu dan Taman Perindustrian Minyak & Gas Sipitang (SOGIP).

Infrastruktur Asas

Kerajaan Persekutuan memainkan peranan penting untuk menyelesaikan masalah infrastruktur asas di semua taman perindustrian di Sabah melibatkan air, elektrik, sistem pembentungan dan jalan perhubungan dengan memberi peruntukan dalam bentuk geran.

Fasiliti Lapangan Terbang Lengkap

Melengkapkan lapangan terbang utama dengan fasiliti penyimpanan sejuk, fasiliti Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) pesawat dan sebuah taman perindustrian aeroangkasa.



Demokrasi, Ketelusan Dan Keterlibatan Dalam Semua Peringkat Kerajaan

36



Belanjawan tahunan bandar raya di Malaysia mencecah berbilion ringgit setiap tahun. Belanjawan untuk Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sahaja mencecah RM3 bilion setahun, melebihi belanjawan negeri-negeri seperti Selangor (RM2.34 bilion), Johor (RM1.95 bilion) dan Perlis (RM306.83 juta).

Walaupun dengan perbelanjaan yang besar ini, rakyat di bandar-bandar besar masih tidak memiliki hak untuk memilih kerajaan tempatan, termasuklah di Kuala Lumpur. Hal ini merupakan salah satu isu terbesar negara, menyebabkan rakyat terdedah dengan manipulasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menjarah dan mencuri sumber atau wang daripada belanjawan yang besar.

Kita dapat melihat bagaimana DBKL mengejar keuntungan ibarat ia diuruskan seperti syarikat swasta. Keuntungan yang ditawarkan oleh para pemaju lebih diutamakan berbanding keperluan rakyat. Justeru kita perlukan pendemokrasian yang lebih berkesan untuk melindungi kepentingan rakyat. Rakyat Malaysia berhak untuk terlibat dalam proses demokrasi di peringkat kerajaan tempatan bagi memastikan kebajikan mereka terjaga.

Meningkatkan Keterlibatan Awam

HARAPAN bertekad untuk memberikan rakyat platform untuk menggalakkan keterlibatan orang awam di semua peringkat melalui platform yang konsisten dan terbuka. Terutamanya jika melibatkan kepentingan rakyat yang boleh memberi impak kepada hidup rakyat seperti projek pembangunan setempat dan dasar-dasar tempatan.

Berusaha Ke Arah Demokrasi Berperwakilan Di DBKL

Kerajaan HARAPAN akan bekerja keras untuk memperkasakan demokrasi dan ketelusan di DBKL melalui kaedah yang sistematik. Usaha ini akan memastikan semua rakyat Malaysia memiliki perwakilan yang boleh dipercayai, inklusif serta mewakili kepentingan rakyat, bukannya pihak pemaju.



Pendigitalan Kerajaan: Perkasa Penyampaian Perkhidmatan Dan Kurangkan Beban Penjawat Awam

37

“Pada zaman ‘data lebih berharga dari minyak’ dalam dunia digital hari ini, kerajaan Malaysia di bawah Barisan Nasional masih berada di bawah tempurung ‘kerajaan tahu segalanya’ (*government knows best*). Budaya pentadbiran sedemikian bukan sahaja ketinggalan zaman tetapi juga menjejaskan kepercayaan orang awam (*public trust*) serta keyakinan pelabur (*inventor’s confidence*) terhadap Malaysia.

Falsafah HARAPAN adalah berbeza. Hala tuju dasar yang baru harus memberi keutamaan kepada data terbuka (*open data as default*), *digital by design*, pentadbiran terbuka (*open government*) dan ketelusan untuk membina sektor perkhidmatan awam yang berpandukan data (*data-driven public sector*).

Akses Untuk Semua

Akses kepada keseluruhan pentadbiran melalui telefon pintar. Usaha perlu digembleng untuk semua perkhidmatan kaunter (JPJ, Imigresen dan lain-lain) agar rakyat boleh mendapat perkhidmatan kerajaan yang mudah tanpa perlu beratur panjang.

Penyelarasan Perkhidmatan Awam

Menyelaras SOP perkhidmatan awam yang bertindih atau berlebihan dengan matlamat mengurangkan beban tugas penjawat awam. Langkah ini juga akan memudahkan rakyat dalam berurusan dengan jabatan kerajaan.



Keselamatan Negara

38

Dalam mendepani cabaran geopolitik masa kini, keselamatan negara telah menjadi satu isu kompleks yang perlu ditangani secara dwipartisan dan cekap dengan menutup ruang kepada salah guna kuasa atau ketirisan. Beberapa insiden yang berlaku berkaitan keselamatan negara kebelakangan ini sepatutnya menjadi iktibar untuk kita menggunakan pendekatan baharu.

HARAPAN komited kepada reformasi dalam isu keselamatan negara yang membawa kepada keterlibatan semua dan keterbukaan tanpa menjaskankan tahap keselamatan dan integriti nasional. Keselamatan negara tidak sepatutnya kabur dalam kerahsiaan tetapi perlu lebih terbuka kerana ia melibatkan kepentingan setiap lapisan rakyat.

Agensi Tunggal Sempadan

Penubuhan Agensi Tunggal dan Penggunaan Data Raya (*Big Data*) dan Kepintaran Buatan (*Artificial Intelligence*) dalam isu kawalselia sempadan. Amalan ini telah dilaksanakan di banyak negara lain dan merupakan kunci kepada pengurusan sempadan yang berkesan.

Kertas Putih Pertahanan

Program pemodenan pertahanan mengikut keperluan Angkatan Tentera dengan berpandukan Kertas Putih Pertahanan yang diluluskan di Parlimen semasa pentadbiran Pakatan Harapan pada tahun 2019.

Pelan Keupayaan Bersama

Untuk membangunkan pelan keupayaan bersama (*tri-service*) yang disahkan oleh kerajaan dengan pelan pembiayaan jangka panjang bersesuaian bagi memastikan wujudnya kesinambungan antara tentera darat, laut dan udara dalam berhadapan dengan ancaman pihak luar serta dimensi perperangan yang berbeza dari ancaman pengganas komunis sebelum ini.

Perolehan Kerajaan Dan Pertahanan

Menggubal Akta Perolehan Kerajaan dan merombak Proses Perolehan Pertahanan untuk melindungi daripada ketirisan, rasuah dan salah guna kuasa yang kerap berlaku dalam perolehan dan penyelenggaraan aset pertahanan.





Menjamin Kebajikan Anggota

Membentuk Jawatankuasa Dwipartisan Parlimen untuk mengkaji isu kebajikan anggota keselamatan, dan peluang pekerjaan pasca perkhidmatan bagi melindungi kebajikan anggota veteran.

Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan (RTKP)

Untuk menyemak dasar sedia ada berhubung dengan sumber manusia dan mewujudkan Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan (RTKP) bagi memastikan jumlah anggota pertahanan sentiasa mencukupi bagi melindungi kedaulatan negara.

Dasar Industri Pertahanan Negara (NDIP)

Menggubal Dasar Industri Pertahanan Negara (NDIP) yang akan menjadi garis panduan untuk membangunkan sains, teknologi dan industri pertahanan negara bagi mengurangkan kebergantungan pada pihak luar dan pada masa mewujudkan ekosistem pertahanan menyeluruh negara.

Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)

Memperkuuh peranan dan mempertingkat keupayaan aset agensi Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) bagi keselamatan perairan Timur Sabah.

Keselamatan Data Peribadi

Menjamin keselamatan data peribadi rakyat dari ketirisan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) dan memperkemas sistem penguatkuasaan bagi membendung aktiviti jenayah seperti aktiviti penipuan (*scam*).

Pertahanan Sempadan

Meningkatkan pertahanan sempadan negara daripada pencerobohan, penyeludupan dan pemerdagangan manusia dengan menilai keperluan aset dan menambah keanggotaan unit keselamatan.

Pemerkasaan IPCC

Memperkasa IPCC selaras dengan saranan Laporan Dzaiddin yang merangkumi aspek pembangunan sumber manusia dalam badan kepolisian, struktur organisasi dan saranan penambahbaikan dan modernisasi PDRM.



Malaysia Gemilang Di Persada Dunia

39

6

Malaysia adalah sebuah negara yang aktif di persada dunia dengan keanggotaan di dalam organisasi antarabangsa seperti PBB, Komanwel, OIC dan NAM. Walaupun sebuah negara kecil, Malaysia berjiwa besar dalam memperjuangkan isu-isu antarabangsa dan pandangan Malaysia dihormati oleh negara lain.

Walaupun begitu, kegembilan negara telah terjejas berikutan beberapa skandal berprofil tinggi antaranya skandal 1MDB yang mendapat liputan meluas media antarabangsa. Masanya sudah tiba untuk kita membersihkan nama negara dan kembali meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara perlu diteladani.

HARAPAN bertekad untuk mengembalikan kegembilan Malaysia di persada dunia dan menimbulkan kembali rasa gah di kalangan rakyat pelbagai lapisan agar kita kembali berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan komuniti antarabangsa.

Komitmen Pada Perubahan

HARAPAN akan meneruskan komitmen untuk membina Malaysia baharu yang lebih baik. Ini termasuklah memupuk kembali semangat asal Persekutuan Malaysia dalam membina masyarakat majmuk yang liberal dan progresif, meneruskan reformasi institusi, mengangkat martabat integriti dan menghormati kebebasan badan-badan kehakiman dan legislatif.

Kuasa Pertengahan (*Middle Power*) Yang Berpengaruh

Memposisikan Malaysia sebagai kuasa pertengahan yang dapat memainkan peranan lebih besar dalam mencorak landskap geopolitik serantau dan global. Dengan terus berpegang teguh kepada Dasar Berkecuali, kami akan memberikan penekanan kepada hubungan dua hala yang dapat menggalakkan pembangunan dan memantapkan kemajuan ekonomi negara. HARAPAN juga komited menghalang penglibatan kuasa luar yang boleh menjelaskan kedaulatan negara serta mengelakkan Malaysia daripada terjebak dalam konflik kuasa-kuasa besar dunia.

Bersama ASEAN

HARAPAN akan terus mempromosikan ASEAN sebagai blok perdagangan utama dunia dan kerjasama serantau serta memastikan Malaysia terus kekal sebagai negara anggota ASEAN yang penting dan komited dalam memperjuangkan kepentingan serantau.

Kesinambungan Dokumen Strategi Belanjawan Harapan 2023

Pengumuman Barisan Nasional bagi membentangkan semula Belanjawan 2023 membawa nasib negara ke kancang ketidaktentuan. Sebagai kerajaan pasca Pilihan Raya Umum ke-15, HARAPAN bertekad untuk mengetengahkan isu-isu mendesak bagi rakyat seperti yang telah diumumkan di dalam Dokumen Strategi Belanjawan HARAPAN 2023.

Belanjawan HARAPAN 2023 bakal dirangka dengan berpandukan fokus strategik berikut:

1. Memperkasa Demokrasi Malaysia
2. Meningkatkan Daya Tahan Terhadap Ancaman pada Masa Depan
 - a. Menangani kos dan isu jaminan keselamatan makanan
 - b. Kesihatan
 - c. Ekonomi Penjagaan
 - d. Ekonomi Hijau dan Ketahanan Alam Sekitar
3. Menyokong Pemulihan Pasca-COVID
 - a. Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS)
 - b. Pelancongan
 - c. Pembangunan Sukan
 - d. Sektor Minyak Sawit
4. Merangsang Perdagangan dan Pelaburan
5. Pertahanan Negara
6. Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Wilayah yang Saksama
7. Sokongan bagi Penunggang dan Pemandu Gig
8. Memastikan Kehidupan dan Mobiliti
9. Pendidikan
10. Memperkasakan Komuniti Terpinggir dan Rentan

Fokus-fokus lain yang turut terkandung di dalam Dokumen Strategi Belanjawan HARAPAN 2023 ini juga boleh diakses menerusi imbasan kod QR di bawah:



HARAPAN



kitaboleh.my